

**DULI YANG MAHA MULIA SULTAN SHARAFUDDIN IDRIS SHAH ALHAJ**
**IBNI ALMARHUM SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH ALHAJ**
D.K., D.M.N., D.K. (Terengganu), D.K. (Kelantan), D.K. (Perak), D.K. (Perlis),
D.K. (Negeri Sembilan), D.K. (Kedah), S.P.M.S., S.S.I.S., S.P.M.J.

**SULTAN DAN YANG DIPERTUAN NEGERI**
**SELANGOR DARUL EHSAN SERTA SEGALA DAERAH TAKLUKNYA**




# Bendera Peribadi

Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor

Laporan Tahunan **2008**

# kandungan

**ENTITI** DAN **FUNGSI** MAIS :: 04

**KEWAJIPAN** DAN **KUASA** MAIS :: 05

**AHLI MESYUARAT** MAIS :: 06

**STUKTUR KORPORAT** :: 08

**LAPORAN PENGERUSI** :: 10

**PRESTASI** MESYUARAT MAIS DAN **JAWATANKUASA TETAP MAIS** :: 12

**LAPORAN KEWANGAN** BERAUDIT 2008 :: 13

**LAPORAN OPERASI** :: 43

**LAPORAN AKTIVITI** 2008 :: 49

**STATISTIK** :: 59

KERATAN **AKHBAR** DAN **ALAMAT KAUNTER** :: 71

# Entiti MAIS

Suatu Badan Berkanun Negeri yang kekal dan Pihak Berkuasa Utama selepas Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor.

**Seksyen 54 dan 6, Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003.*

# Fungsi MAIS

MAIS bertanggungjawab menasihati dan membantu Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor dalam semua perkara yang berkaitan dengan agama Islam di dalam negeri Selangor, kecuali dalam perkara-perkara Hukum Syarak dan yang berhubung dengan pentadbiran keadilan.

**Seksyen 6, Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003.*

# Kewajipan MAIS

MAIS berkewajipan untuk menggalakkan, mendorong, membantu dan mengusahakan kemajuan ekonomi dan kesejahteraan sosial masyarakat Islam di dalam Negeri Selangor selaras dengan Hukum Syarak.

**Subseksyen 7 (1), Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003.*

# Kuasa MAIS

- Menjalankan aktiviti komersial dan perindustrian
- Menubuhkan perbadanan atau syarikat
- Bekerjasama dalam menjalankan apa-apa kegiatan dengan mana-mana pihak
- Membuat apa-apa pelaburan yang dibenarkan
- Menubuhkan apa-apa skim pinjaman daripada Baitulmal
- Melakukan perkara lain suai manfaat
- Menubuhkan sekolah Islam, institusi latihan dan penyelidikan
- Wasi sesuatu wasiat
- Pentadbir harta pusaka
- Pemegang amanah tunggal wakaf
- Memegang dan menikmati apa-apa harta alih dan tidak alih
- Pemegang amanah masjid
- Mengislamkan dan menjaga mualaf




# Ahli **Mesyuarat** MAIS

**Y.A.D. DATO' SETIA HAJI MOHAMAD ADZIB BIN MOHD ISA** : Pengerusi MAIS 01

**Y.B. DATO' DR. HASAN BIN MOHAMED ALI** : Timbalan Pengerusi MAIS 02

**Y.B. DATO' RAMLI BIN MAHMUD** : Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor 03

**Y.B. DATIN PADUKA ZAUYAH BE BINTI T LOTH KHAN** : Penasihat Undang-undang Negeri Selangor 04

**Y.B. DATO' MOHD ARIF BIN AB. RAHMAN** : Pegawai Kewangan Negeri Selangor 05

**Y.A.D. DATO' SETIA HAJI MOHD TAMYES BIN ABD WAHID** : Dato' Seri Utama Diraja Mufti Negeri Selangor 06

**Y.BHG. DATO' KHALID BIN ABU BAKAR** : Ketua Polis Selangor 07

**Y.A.D. TENGKU SERI WANGSA DIRAJA TENGKU DATO' SETIA RAMLI AL HAJ BIN TENGKU SHAHRUDDIN SHAH AL HAJ** : Ahli Dewan Diraja 08

**Y.A.D. DATO' SERI INDAH DIRAJA DATO' HAJI ABU BAKAR BIN HAJI ABDUL HAMID** : Orang Besar Daerah Petaling 09

**Y.BHG. DATO' AIDIT BIN GHAZALI** : Pengerusi Eksekutif Akademi Aidit Sdn. Bhd. 10

**Y.BHG. DATO' HAJI SARIP BIN HAMID** : Pengerusi Sarmid Holdings Malaysia Sdn. Bhd. 11

**Y.BHG. PROF. DATIN PADUKA DR. ZALEHA BINTI KAMARUDDIN** : Timbalan Pengarah IKIM 12

**Y.BHG. DATO' SALEHUDDIN BIN SAIDIN** : Peguambela & Peguamcara 13

**PROFESOR DR. SIDEK BIN BABA** : Profesor Institut Pendidikan, UIAM 14

**Y.BHG. DATO' HAJI MOHAMMED KHUSRIN BIN HAJI MUNAWI** : Pengarah JAIS 15

- **Y.A.D. DATO' SETIA HAJI MOHAMAD ADZIB BIN MOHD ISA**
  Pengerusi MAIS
  S.S.I.S, D.S.S.A, K.M.N, A.M.N

- **Y.B DATO DR. HASAN BIN MOHAMED ALI**
  Timbalan Pengerusi MAIS
  D.I.M.P.

- **Y.B. DATO' RAMLI BIN MAHMUD**
  Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor
  D.P.M.S, S.M.S, A.M.S

- **Y.B. DATIN PADUKA ZAUYAH BE BINTI T LOTH KHAN**
  Penasihat Undang-undang Negeri Selangor
  D.P.M.S, D.M.S.M, D.S.M, A.M.N

- **Y.B. DATO' MOHD ARIF BIN AB. RAHMAN**
  Pegawai Kewangan Negeri Selangor
  D.S.I.S, A.M.N

- **Y.A.D. DATO' SETIA HAJI MOHD TAMYES BIN ABD WAHID**
  Dato' Seri Utama Diraja Mufti Negeri Selangor
  S.S.I.S, D.P.M.S, P.P.T

- **Y.BHG. DATO' KHALID BIN ABU BAKAR**
  Ketua Polis Selangor
  D.S.A.P, D.I.M.P, S.A.P, P.P.P

- **Y.A.D. TENGKU SERI WANGSA DIRAJA TENGKU DATO' SETIA RAMLI AL HAJ BIN TENGKU SHAHRUDDIN SHAH AL HAJ**
  Ahli Dewan Diraja
  S.S.I.S, D.S.S.A, S.M.S

- **Y.A.D. DATO' SERI INDAH DIRAJA DATO' HAJI ABU BAKAR BIN HAJI ABDUL HAMID**
  Orang Besar Daerah Petaling
  D.S.S.A, S.M.S, P.P.N, P.J.K

- **Y.BHG. DATO' AIDIT BIN GHAZALI**
  Pengerusi Eksekutif
  Akademi Aidit Sdn. Bhd.
  D.S.S.A, S.S.A

- **Y.BHG. DATO' HAJI SARIP BIN HAMID**
  Pengerusi Sarmid Holdings Malaysia Sdn. Bhd.
  D.M.S.M, D.S.M

- **Y.BHG. PROF. DATIN PADUKA DR. ZALEHA BINTI KAMARUDDIN**
  Timbalan Pengarah IKIM
  D.P.M.S, D.I.M.P

- **Y. BHG. DATO SALEHUDDIN BIN SAIDIN**
  Peguambela & Peguamcara, Tetuan Salehuddin Saidin & Associated
  D.S.I.S, A.M.S, P.P.T

- **PROFESOR DR. SIDEK BIN BABA**
  Profesor Institut Pendidikan, UIAM

- **Y.BHG. DATO' HAJI MOHAMMED KHUSRIN BIN HAJI MUNAWI**
  Pengarah JAIS, merangkap Setiausaha MAIS
  D.S.I.S, S.I.S, A.S.A, P.P.T

## PENGERUSI

## SETIAUSAHA

## TIMBALAN SETIAUSAHA

### KHIDMAT PENGURUSAN

- **KETUA PENOLONG SETIAUSAHA KHIDMAT PENGURUSAN**
  - BAHAGIAN PENGURUSAN
    - PENOLONG SETIAUSAHA (PENGURUSAN)
      - Unit Pusat Sumber
      - Unit Sumber Manusia
      - Unit Pentadbiran
      - Unit Sistem Maklumat
  - BAHAGIAN BAITULMAL
    - KETUA AKAUNTAN
      - Unit Operasi & Kawalan
      - Unit Akaun
      - Unit Belanjawan
  - BAHAGIAN PEMBANGUNAN INSAN
    - PENOLONG SETIAUSAHA (PEMBANGUNAN INSAN)
      - Unit Dakwah Global
      - Unit Dakwah Saudara Kita
      - Unit Dakwah Hospital
      - Unit Dakwah Ar-Riqab

### PEMBANGUNAN & EKONOMI

- **KETUA PENOLONG SETIAUSAHA PEMBANGUNAN EKONOMI**
  - BAHAGIAN PERANCANG EKONOMI
    - PENOLONG SETIAUSAHA (PERANCANG EKONOMI)
      - Unit Pembangunan
      - Unit Pemasaran
  - BAHAGIAN PEMBANGUNAN HARTANAH
    - PENOLONG SETIAUSAHA (PEMBANGUNAN HARTANAH)
      - Unit Pembangunan Hartanah
      - Unit Pengurusan Hartanah
      - Unit Penyelenggaraan
  - BAHAGIAN MAL
    - PENOLONG SETIAUSAHA (MAL)
      - Unit Wakaf
      - Unit Faraid
      - Unit Wasiat & Amanah

### LEMBAGA ZAKAT SELANGOR

### MAIS CORPORATION SDN. BHD.

### KOLEJ UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA SELANGOR

### HOSPITAL PUSRAWI SMC. SDN. BHD. (PERKONGSIAN SAHAM 49%)

**PUSAT PERLINDUNGAN WANITA, BAITUL EHSAN**

- **PENGUASA BAITUL EHSAN**
  - Unit Pengurusan
  - Unit Kaunseling
  - Unit Operasi

**PUSAT PERLINDUNGAN AKIDAH, BAITUL IMAN**

- **PENGUASA BAITUL IMAN**
  - Unit Pengurusan
  - Unit Kaunseling
  - Unit Operasi

**BAHAGIAN AUDIT DALAM**

- **KETUA AUDIT DALAM**
  - Unit Organisasi MAIS
  - Unit JAIS & Anak Syarikat

**BAHAGIAN UNDANG-UNDANG**

- **PENASIHAT UNDANG-UNDANG**
  - Unit Rekod & Pentadbiran
  - Unit Gubalan, Penyelidikan Maklumat & Kontrak Perjanjian
  - Unit Sivil & Sewa
  - Unit Syariah

**BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM**

- **PEGAWAI PERHUBUNGAN AWAM**
  - Unit Perhubungan Awam
  - Unit Penerbitan

laporan
# PENGERUSI
MAJLIS AGAMA ISLAM SELANGOR



"...Penumpuan terhadap pengisisan dakwah kepada saudara baru yang memeluk Islam, saudara bukan Islam serta hasrat merealisasikan dan menguruskan tabung amanah anak yatim Selangor merupakan perkara yang diberi penumpuan khusus...

**Y.A.D. DATO' SETIA HJ. MOHAMAD ADZIB BIN MOHD ISA**
Pengerusi

*Bismillahirrahmanirrahim...*

Dengan nama Allah yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang, saya selaku Pengerusi Majlis Agama Islam Selangor dengan sukacitanya membentangkan Laporan Tahunan Majlis Agama Islam Selangor bagi tahun berakhir 31 Disember 2008.

Alhamdulillah, fokus tahun 2008 dalam memantapkan dan memperkasakan struktur organisasi MAIS secara berterusan merupakan agenda yang diutamakan.

Penumpuan terhadap pengisisan dakwah kepada saudara baru yang memeluk Islam, saudara bukan Islam serta hasrat merealisasikan dan menguruskan tabung amanah anak yatim Selangor merupakan perkara yang diberi penumpuan khusus.

Bagi memantapkan dakwah dan memberi aspirasi kepada saudara baru yang telah memeluk Islam dan kepada bukan Islam merupakan cabaran yang bukan mudah. Kosentrasi kepada asas metadologi dakwah dan kesedaran perlu ada kepada seluruh warga kerja MAIS, pendakwah dan masyarakat Islam khususnya. Kerana kejayaan dalam meningkatkan kegemilangan dakwah Islamiyah ke peringkat tersohor adalah kejayaan umat Islam.

Justeru itu pengukuhan program dan aktiviti dakwah di peringkat daerah diperkemaskan supaya objektif program dalam meningkatkan kefahaman Islam kepada golongan mualaf ini tercapai. Di samping itu juga pelbagai bentuk kebajikan telah disediakan bagi membantu meringankan beban mereka yang baru memeluk Islam. Di harap segala bantuan kebajikan yang disediakan ini dapat memantapkan lagi akidah mereka terhadap Islam.

Akhir kata, ahli-ahli MAIS, pegawai dan kakitangan menjunjung setinggi-tinggi kasih kepada DYMM Sultan Selangor, sebagai Ketua Agama di atas titah nasihat baginda demi memartabatkan syiar Islam di negeri ini. Ucapan penghargaan tidak terhingga juga kepada kerajaan negeri, ketua-ketua jabatan yang telah membantu menyokong perjuangan MAIS. Penghargaan saya juga ditujukan khas kepada semua ahli MAIS, ahli-ahli jawatankuasa tetap, pertubuhan bukan kerajaan dan pegawai serta kakitangan MAIS. Hanya kepada Allah saya serahkan untuk mengurniakan ganjaran yang setimpal.

Sekian, terima kasih.

**Y.A.D. DATO' SETIA HJ. MOHAMAD ADZIB BIN MOHD ISA**
**PENGERUSI**

Pada tahun 2008, Mesyuarat MAIS telah bersidang 4 kali setahun iaitu pada tarikh-tarikh berikut :

| Tarikh | Masa | Tempat |
|---|---|---|
| 26 Mac 2007 | 9.00 pagi | Dewan Banquet Sri Bistari, Intekma Resort & Convention Centre, Persiaran Raja Muda, Seksyen 7, Shah Alam |
| 28 Jun 2007 | 9.00 pagi | Dewan Perdana, Level 2, Convention Centre, Grand Blue Wave, Hotel Shah Alam |
| 10 September 2007 | 9.00 pagi | Hotel Concorde II, Level 2, Shah Alam |
| 3 Disember 2007 | 9.00 pagi | Dewan Banquet Sri Bistari, Intekma Resort & Convention Centre, Persiaran Raja Muda, Seksyen 7, Shah Alam |

Berikut adalah makluman serta prestasi mesyuarat jawatankuasa tetap MAIS dalam melaksanakan kewajipan dan fungsi-fungsi MAIS berdasarkan Seksyen 27, Enakmen Agama Islam (Negeri Selangor) 2003 sepanjang tahun 2007.

| | Nama Jawatankuasa | Urusetia | Kekerapan Mesyuarat |
|---|---|---|---|
| 1. | Jawatankuasa Baitulmal | Bahagian Baitulmal MAIS | 4/2008 |
| 2. | Jawatankuasa Sumber Manusia | Bahagian Pengurusan MAIS | 8/2008 |
| 3. | Jawatankuasa Pelaburan | Bahagian Pembangunan Hartanah MAIS | 3/2008 |
| 4. | Jawatnkuasa Pengesahan Halal Negeri Selangor | Bahagian Penyelidikan & Pembangunan JAIS | 8/2008 |
| 5. | Jawatankuasa Dakwah Negeri Selangor | Bahagian Pembangunan Insan MAIS | 3/2008 |
| 6. | Jawatankuasa Audit | Bahagian Audit Dalam MAIS | 4/2008 |
| 7. | Jawatankuasa Tauliah | Bahagian Pengurusan Dakwah JAIS | 4/2008 |
| 8. | Jawatankuasa Undang-undang | Bahagian Undang-undang MAIS | 1/2008 |
| 9. | Jawatankuasa Kariah | Bahagian Pengurusan Masjid | 6/2008 |
| 10. | Jawatankuasa Pengurusan Wakaf | Bahagian MAL, MAIS | 3/2008 |
| 11. | Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor | Jabatan Mufti Negeri Selangor | 6/2008 |
| 12. | Jawatankuasa Kaedah Mahkamah Syariah | Jabatan Kehakiman Syariah Selangor | 1/2008 |
| 13. | Mesyuarat Ahli Lembaga Pemegang Amanah Lembaga Zakat Selangor (MAIS) | Lembaga Zakat Selangor | 3/2008 |
| 14. | Jawatankuasa Pendidikan Islam | Bahagian Pendidikan, JAIS | 2/2008 |

# Laporan Kewangan BERAUDIT '08


| | |
|---|---|
| Sijil Ketua Audit Negara | 14 |
| Penyata Pengurusan dan Ahli Majlis | 15 |
| Penyata Oleh Pegawai Utama | 16 |
| Penyata Pendapatan | 17 |
| Lemabaran Imbangan | 18 |
| Penyata Perubahan Ekuiti | 20 |
| Penyata Aliran Tunai | 22 |
| Nota-nota Kepada Penyata Kewangan | 23 |

# SIJIL KETUA AUDIT NEGARA

## MENGENAI PENYATA KEWANGAN MAJLIS AGAMA ISLAM SELANGOR BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2008

Saya telah mengaudit Penyata Kewangan Majlis Agama Islam Selangor dan Kumpulan bagi tahun berakhir 31 Disember 2008. Pihak pengurusan bertanggungjawab terhadap Penyata Kewangan ini. Tanggungjawab saya adalah mengaudit dan memberi pendapat terhadap Penyata Kewangan tersebut.

Pengauditan telah dilaksanakan mengikut Akta Audit 1957 dan berpandukan piawaian pengauditan yang diluluskan. Piawaian tersebut menghendaki pengauditan dirancang dan dilaksanakan untuk mendapat kepastian yang munasabah sama ada Penyata Kewangan adalah bebas daripada kesilapan atau ketinggalan yang ketara. Pengauditan itu termasuk memeriksa rekod secara semak uji, menyemak bukti yang meyokong angka dan memastikan pendedahan yang mencukupi dalam Penyata Kewangan. Penilaian juga dibuat terhadap prinsip perakaunan yang digunakan, unjuran signifikan oleh pengurusan dan persembahan Penyata Kewangan secara keseluruhan. Saya percaya pengauditan yang dilaksanakan memberi asas yang munasabah terhadap pendapat saya.

Pada pendapat saya, Penyata Kewangan ini memberi gambaran yang benar dan saksama terhadap kedudukan kewangan Majlis Agama Islam Selangor dan Kumpulan pada 31 Disember 2008, hasil operasi dan aliran tunainya untuk tahun tersebut berdasarkan piawaian perakaunan yang diluluskan.

Saya telah mempertimbangkan Penyata Kewangan dan laporan juruaudit bagi semua syarikat subsidiari yang tidak diaudit oleh saya seperti yang dinyatakan dalam nota kepada Penyata Kewangan Disatukan. Saya berpuas hati bahawa Penyata Kewangan berkenaan telah disatukan dengan penyata kewangan Majlis Agama Islam Selangor adalah dalam bentuk dan kandungan yang sesuai dan wajar bagi tujuan penyediaan Penyata Kewangan Disatukan. Saya juga telah menerima maklumat dan penjelasan yang memuaskan sebagaimana yang dikehendaki bagi tujuan tersebut.

**(TAN SRI DATO' SETIA HAJI AMBRIN BIN BUANG)**
KETUA AUDIT NEGARA
MALAYSIA

**PUTRAJAYA**
**16 DISEMBER 2009**

# PENYATA PENGERUSI DAN SEORANG AHLI MAJLIS

"Kami, **Dato' Setia haji Mohamad Adzib bin Mohd. Isa** dan **Dato' Mohd. Arif bin Ab. Rahman** yang merupakan Pengerusi dan salah seorang Ahli Majlis, Majlis Agama Islam Selangor dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat AHli Majlis, penyata kewangan Majlis Agama Islam Selangor dan Kumpulan adalah disediakan untuk menunjukkan pandangan yang benar dan saksama berkenaan kedudukan Majlis Agama Islam Selangor dan Kumpulan pada 31hb. Disember 2008 dan hasil kendaliannya dan perubahan kedudukan aliran tunai Majlis Agama Islam Selangor dan Kumpulan bagi tahun kewangan berakhir pada tarikh tersebut mengikut piawaian perakaunan yang diluluskan dan terpakai di Malaysia.

Bagi pihak Majlis,

**Nama** : Dato' Setia Haji Mohamad Adzib bin Mohd. Isa

**Gelaran** : Pengerusi

**Tarik**h : 08 Jun 2009

Majlis Agama Islam Selangor
Tingkat 9 & 10, Menara Utara
Bangunan Sultan Idris Shah
No. 2, Persiaran Masjid
Bukit SUK, Seksyen 5
40000 Shah Alam
Selangor Darul Ehsan.

Bagi pihak Majlis,

**Nama** : Dato' Mohd. Arif bin Ab. Rahman

**Gelaran** : Ahli Majlis

**Tarik**h : 08 Jun 2009

Pejabat Perbendaharaan Negeri Selangor
Tingkat 12, Bangunan SSAAS
40503 Shah Alam
Selangor Darul Ehsan.

# PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA YANG BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN MAJLIS AGAMA ISLAM SELANGOR

Saya Dato' Hj. Muhammed Khusrin bin Hj. Munawi, K.P No : 560920-10-6525, pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan Majlis Gama Islam Selangor, dengan ikhlasnya mengakui bahawa penyata kewangan Majlis Agama Islam Selangor, dan kumpulan bagi tahun berakhir pada 31hb Disember 2008, mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya, adalah betul dan saya membuat ikrar ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ianya itu adalah benar dan atas kehendak-kehendak Akta Akuan Berkanun 1960.

Sebenar dan sesungguhnya )
diakuinya oleh penama di atas )
di Shah Alam, Selangor D.E. )
pada - 8 JUN 2009 )

Dihadapan saya.

PESURUHJAYA SUMPAH MALAYSIA
No: B205
Nama: ABU BAKAR B. ABD JABBAR

**PESURUHJAYA SUMPAH**

Lot 2-07, Anggerik Mall
No. 5, Jalan 14/8, Seksyen 14,
40000 Shah Alam, Selangor

- 8 JUN 2009

# PENYATA PENDAPATAN
## BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2008

| | | KUMPULAN | | MAIS | |
|---|---|---|---|---|---|
| | | 2008 | 2007 | 2008 | 2007 |
| | NOTA | RM | RM | RM | RM |
| **PENDAPATAN** | | | | | |
| Kumpulan Wang Zakat | 3( a ) | **252,699,438** | 203,066,167 | **252,699,438** | 203,066,167 |
| Kumpulan Wang Baitulmal | 3( b ) | **16,369,747** | 10,205,351 | **16,610,947** | 10,582,751 |
| Kumpulan Wang Wakaf | 3( c ) | **1,583,747** | 1,391,395 | **1,583,747** | 1,391,395 |
| | | **270,652,933** | 214,662,913 | **270,894,133** | 215,040,313 |
| **LAIN-LAIN PENDAPATAN** | | | | | |
| Pendapatan Operasi Syarikat Subsidiari | 3( d ) | **67,518,323** | 44,181,502 | **-** | - |
| | | **338,171,256** | 258,844,415 | **270,894,133** | 215,040,313 |
| **LAIN-LAIN PENDAPATAN** | | | | | |
| Perbelanjaan Wang Zakat | 4( a ) | **200,645,689** | 195,362,755 | **200,645,689** | 195,362,755 |
| Perbelanjaan Wang Baitulmal | 4( b ) | **12,628,684** | 8,710,894 | **12,854,740** | 9,275,126 |
| Perbelanjaan Wang Wakaf | 4( c ) | **476,903** | 351,693 | **476,903** | 351,693 |
| Perbelanjaan Operasi Syarikat Subsidiari | 4( d ) | **51,721,302** | 35,944,452 | **-** | - |
| | | **265,472,578** | 240,369,794 | **213,977,332** | 204,989,574 |
| **Lebihan Daripada Operasi** | | **72,698,678** | 18,474,621 | **56,916,802** | **10,050,739** |
| Pembahagian Keuntungan/ Kerugian Syarikat Bersekutu | | **7,811** | (156,518) | **-** | - |
| **Lebihan Sebelum Cukai & Zakat** | | **72,706,488** | 18,318,103 | **56,916,801** | 10,050,739 |
| ( - ) Cukai | 5 | **(162,447)** | (100,571) | **-** | - |
| ( - ) Zakat | | **(50,000)** | (65,000) | **-** | - |
| **Lebihan Selepas Cukai & Zakat** | | **72,494,041** | 18,152,532 | **56,916,801** | 10,050,739 |
| Kepentingan Minoriti | | **(45,980)** | - | **-** | - |
| **Lebihan Bagi Tahun Semasa** | | **72,448,061** | 18,152,532 | **56,916,801** | 10,050,739 |

*Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini*

# LEMBARAN IMBANGAN
## PADA 31 DISEMBER 2008

| | | KUMPULAN | | MAIS | |
|---|---|---|---|---|---|
| | | 2008 | 2007 | 2008 | 2007 |
| | NOTA | RM | RM | RM | RM |
| **ASET BUKAN SEMASA** | | | | | |
| Hartanah Loji dan Peralatan | 6 | **73,031,194** | 81,071,891 | **58,863,799** | 67,075,457 |
| Kerja Dalam Kemajuan | 7 | **9,492,504** | 9,291,212 | **3,826,688** | 3,625,396 |
| Pelaburan Saham Tersiar Harga | 8 | **4,994,465** | 7,983,377 | **4,994,465** | 7,983,377 |
| Pelaburan Dalam Syarikat Subsidiari | 9 | **-** | - | **3,973,023** | 3,970,515 |
| Pelaburan Dalam Syarikat Bersekutu | 10 | **1,003,173** | 995,362 | **4,182,912** | 4,182,912 |
| Lain-lain Pelaburan | 11 | **150,000** | 150,000 | **150,000** | 150,000 |
| | | **88,671,336** | 99,491,842 | **75,990,886** | 86,987,656 |
| **ASET SEMASA** | | | | | |
| Inventori | 12 | **509,280** | 84,311 | **-** | - |
| Penghutang | 13 | **32,823,614** | 15,478,044 | **6,338,618** | 2,719,945 |
| Pelbagai Penghutang, Prabayar dan Deposit | 14 | **3,983,973** | 3,474,054 | **655,579** | 914,587 |
| Pendahuluan Kepada Syarikat Bersekutu | 15 | **348,088** | 348,088 | **348,088** | 348,088 |
| Pendahuluan Kepada LZS | 16 | **7,390,964** | - | **7,390,964** | - |
| Pendahuluan Kepada Syarikat Berkaitan | | **3,000** | 5,394 | **-** | - |
| Cukai Terlebih Bayar | | **191,733** | 101,920 | **-** | - |
| Wang Deposit dan Jaminan Bank | | **7,500** | 109,140 | **-** | - |
| Pelaburan Al-Mudharabah | 17 | **172,454,184** | 76,707,470 | **159,269,546** | 68,440,684 |
| Wang Tunai Di Tangan dan Bank | 18 | **17,338,038** | 34,747,114 | **15,358,880** | 33,018,593 |
| Wang Dalam Perjalanan | 19 | **50,334,406** | 66,810,614 | **50,334,406** | 66,810,614 |
| | | **285,384,781** | 197,866,149 | **239,696,083** | 172,252,511 |
| **LIABILITI SEMASA** | | | | | |
| Wang Amanah | 20 | **7,442,345** | 11,629,293 | **7,442,345** | 11,629,292 |
| Saham Wakaf Selangor (Khas) | 21 | **3,132,636** | - | **3,132,636** | - |
| Wang Cagaran dan Pertaruhan Utiliti | | **8,015,311** | 2,741,005 | **7,347,016** | 2,779,606 |
| Pelbagai Pemiutang dan Akruan | 22 | **20,962,019** | 18,840,727 | **8,918,693** | 8,341,979 |
| Pemiutang Perniagaan | | **1,325,615** | 2,106,040 | **-** | - |
| Peruntukan Pendahuluan Agihan Zakat | 23 | **9,357,809** | 2,791,504 | **9,357,809** | 2,791,504 |
| Pembiayaan Al-Bai Bithaman Ajil | 26 | **1,068,814** | 987,681 | **1,068,814** | 987,681 |
| Wang Deposit dan Pendahuluan | | **1,857,450** | 972,120 | **-** | - |
| Dana Masjid | | **631,175** | 698,781 | **631,175** | 698,781 |
| Peruntukan Cukai | | **71,102** | - | **-** | - |
| | | **53,864,277** | 40,767,151 | **37,898,488** | 27,228,843 |
| **ASET SEMASA BERSIH** | | **231,520,505** | 157,098,998 | **201,797,594** | 145,023,668 |
| **ASET BERSIH** | | **320,191,841** | **256,590,840** | **277,788,481** | **232,011,325** |

*Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini*

# LEMBARAN IMBANGAN
## PADA 31 DISEMBER 2008 (SAMB)

| | | KUMPULAN | | MAIS | |
|---|---|---|---|---|---|
| | | 2008 | 2007 | 2008 | 2007 |
| | NOTA | RM | RM | RM | RM |
| Dibiayai Oleh | | | | | |
| **KUMPULAN WANG MAJLIS** | | | | | |
| Keuntungan Terkumpul | | **302,837,371** | 240,456,684 | **271,971,418** | 225,125,439 |
| Kepentingan Minoriti | | **69,677** | - | **-** | - |
| **LIABILITI JANGKA PANJANG** | | | | | |
| Pembiayaan Al-Musyarakah | **24** | **4,660,000** | 5,000,000 | **-** | - |
| Pembiayai Al-Bai Bithaman Ajil | **25** | **5,817,063** | 6,885,886 | **5,817,063** | 6,885,886 |
| Pinjaman Mudah Dari Kerajaan Negeri | **26** | **4,000,000** | 4,000,000 | **-** | - |
| Geran Kerajaan | **27** | **119,000** | 126,000 | **-** | - |
| Sewabeli Jangka Panjang | **28** | **1,225,757** | 122,270 | **-** | - |
| Tabung Biasiswa Rektor | **29** | **1,462,973** | - | **-** | - |
| | | **320,191,841** | **256,590,840** | **277,788,480** | **232,011,325** |

*Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini*

# PENYATA PERUBAHAN EKUITI
## BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2008

| | | Kumpulan Wang Majlis | Kepentingan Minoriti | Jumlah Ekuiti |
|---|---|---|---|---|
| KUMPULAN | Nota | RM | RM | RM |
| **Baki pada 1 Januari 2007** | | 222,304,152 | - | 222,304,152 |
| Lebihan bersih bagi tahun semasa | | 18,152,532 | - | 18,152,532 |
| **Baki pada 31 Disember 2007** | | 240,456,684 | - | 240,456,684 |
| **Baki pada 1 Januari 2008** | | **240,456,684** | **-** | **240,456,684** |
| Pelarasan tahun lepas | **30** | **(10,067,374)** | **-** | **(10,067,374)** |
| **Baki dinyatakan semula** | | **230,389,310** | **-** | **230,389,310** |
| Lebihan Bersih Bagi Tahun Semasa | | **72,448,061** | **45,980** | **72,494,041** |
| Kepentingan Minoriti Dalam Syarikat Subsidiari | | **-** | **23,698** | **23,698** |
| **Baki pada 31 Disember 2008** | | **302,837,371** | **69,677** | **302,907,049** |

| | | Lebihan Terkumpul Baitulmal | Lebihan Terkumpul Zakat | Lebihan Terkumpul Wakaf | Kumpulan Wang |
|---|---|---|---|---|---|
| MAIS | Nota | RM | RM | RM | RM |
| **Baki pada 1 Januari 2007** | | **78,217,611** | **140,026,296** | **7,953,985** | **226,197,892** |
| Pengkelasan Semula | | **(5,611,389)** | **54,473** | **5,556,915** | **-** |
| Pelarasan Tahun Lepas | | **(566,533)** | **(10,504,163)** | **(52,496)** | **(11,123,192)** |
| Lebihan/Kurangan Bersih Bagi Tahun Semasa | | **1,307,625** | **7,703,412** | **1,039,702** | **10,050,739** |
| **Baki pada 31 Disember 2007** | | **73,347,314** | **137,280,018** | **14,498,106** | **225,125,439** |
| **Baki pada 1 Januari 2008** | | **73,347,314** | **137,280,018** | **14,498,106** | **225,125,439** |
| Pelarasan tahun lepas | **30** | **(149,859)** | **823,156** | **(10,744,117)** | **(10,070,820)** |
| **Baki dinyatakan semula** | | **73,197,455** | **138,103,174** | **3,753,989** | **215,054,618** |
| Lebihan Bersih Bagi Tahun Semasa | | **3,756,208** | **52,053,749** | **1,106,844** | **56,916,801** |
| **Baki pada 31 Disember 2008** | | **76,953,663** | **190,156,923** | **4,860,833** | **271,971,419** |

*Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini*

# PENYATA ALIRAN TUNAI YANG DISATUKAN
## BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2008

| | | KUMPULAN | | MAIS | |
|---|---|---|---|---|---|
| | | 2008 | 2007 | 2008 | 2007 |
| | Nota | RM | RM | RM | RM |
| **ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI OPERASI** | | | | | |
| **Lebihan Pendapatan atas Perbelanjaan** | | **72,706,488** | 18,318,103 | **56,916,801** | 10,050,739 |
| *Pelarasan Perkara-perkara Tidak Melibatkan Tunai* | | | | | |
| Percukaian | | **-** | (165,571) | **-** | - |
| Pembahagian Keuntungan Syarikat Bersekutu | | **(7,811)** | 156,518 | **-** | - |
| Belanja Susutnilai | | **4,574,275** | 4,135,783 | **1,621,477** | 1,720,871 |
| Pelarasan Tahun Lepas | | **(10,070,821)** | (11,095,493) | **(10,070,821)** | (11,123,192) |
| Pendapatan Dividen | | **(65,607)** | (88,437) | **(65,607)** | (163,437) |
| Keuntungan Bank-Pelaburan Al-Muhdarabah | | **(3,437,747)** | (825,927) | **(3,437,747)** | (825,927) |
| Keuntungan Bank-Akaun Semasa | | **(151,855)** | (274,666) | **(151,855)** | (274,666) |
| Rosotnilai/Peningkatan Nilai Pelaburan | | **2,936,744** | (881,022) | **2,936,744** | (881,022) |
| Pendapatan Geran | | **(14,000,000)** | (12,000,000) | **-** | - |
| Diskaun DiTerima | | **-** | (517,622) | **-** | (517,622) |
| Kerugian/Keuntungan Jualan Aset Tetap | | **(978,427)** | 400,497 | **997,811)** | - |
| Elaun Hutang Ragu | | **(101,532)** | (172,240) | **101,532** | 172,240 |
| Pelunasan Geran/ikatan perkerja | | **(7,000)** | (7,000) | **-** | - |
| Pelunasan Aset Tetap | | **9,446,689** | - | **9,446,689** | 30,018 |
| Faedah Sewa Pajak | | **24,819** | 36,845 | **-** | - |
| Zakat Terlebih Peruntuk | | **(1,506)** | - | **-** | - |
| Lebihan Operasi Sebelum Perubahan Modal | | **61,069,773** | (2,635,752) | **56,299,402** | (1,811,998) |
| **Perubahan dalam modal kerja** | | | | | |
| Inventori | | **(424,969)** | 141 | **-** | - |
| Penghutang | | **(16,519,223)** | (8,038,332) | **(3,720,205)** | 1,673,292 |
| Pelbagai Penghutang Prabayar Deposit | | **(393,537)** | (1,513,483) | **259,008** | (20,332) |
| Pendahuluan Kepada LZS | | **(7,390,964)** | - | **(7,390,964)** | - |
| Pendahuluan Kepada Syarikat Berkaitan | | **237,900** | (5,394) | **-** | - |
| Peruntukan Pendahuluan Agihan Zakat | | **6,566,305** | 23,666,288 | **6,566,305** | 23,666,288 |
| Wang Amanah | | **(4,186,947)** | 5,608,147 | **(4,186,947)** | 5,608,147 |
| Saham Wakaf Selangor (Khas) | | **3,132,636** | - | **3,132,636** | - |
| Pemiutang Perniagaan | | **374,305** | 1,750,543 | **-** | - |
| Pelbagai Pemiutang dan akruan | | **1,864,343** | 5,271,470 | **576,714** | 2,326,206 |
| Wang Deposit & Pendahuluan | | **5,035,170** | 2,791,004 | **4,567,410** | 1,888,259 |
| Amaun Terhutang kpd Lembaga Zakat Selangor | | **-** | (25,270,000) | **-** | (25,270,000) |
| Dana Masjid | | **(67,606)** | (96,531) | **(67,606** | (96,531) |
| Tunai Dihasilkan Dari Aktiviti Operasi | | **49,297,186** | 1,528,101 | **56,035,753** | 7,963,331 |

# PENYATA ALIRAN TUNAI YANG DISATUKAN
## BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2008 (SAMB.)

| | | KUMPULAN | | MAIS | |
|---|---|---|---|---|---|
| | | 2008 | 2007 | 2008 | 2007 |
| | Nota | RM | RM | RM | RM |
| Keuntungan Bank - Pelaburan Al-Mudharabah | | **3,437,747** | 825,927 | **3,437,747** | 825,927 |
| Keuntungan Bank - Akaun Semasa | | **151,855** | 274,666 | **151,855** | 274,666 |
| Cukai Dibayar | | **(186,759)** | (77,856) | **-** | - |
| Zakat Dibayar | | **(63,494)** | - | **-** | - |
| Diskaun Diterima | | **-** | 517,622 | **-** | 517,622 |
| Faedah Sewa Dibayar | | **(24,819)** | (36,845) | **-** | - |
| Tunai Bersih Dihasilkan Dari Aktiviti Operasi | | **52,611,716** | 3,031,615 | **59,625,355** | 9,581,546 |
| **ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI PEMBIAYAAN** | | | | | |
| Terimaan Sewa Beli | | **140,004** | - | **-** | - |
| Pembayaran Sewa Beli | | **(1,010,103)** | (35,677) | **-** | - |
| Pendapatan Geran Pengurusan | | **14,000,000** | 12,000,000 | **-** | - |
| Tabung Biasiswa Rektor | | **962,973** | - | **-** | - |
| Pembayaran Balik BBA | | **(987,690)** | (879,558) | **(987, 690)** | (879,558) |
| Tunai Bersih Dihasilkan Untuk Aktiviti Pembiayaan | | **13,105,184** | 11,084,765 | **(987, 690)** | (879,558) |
| **ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI PELABURAN** | | | | | |
| Pembelian Aset Tetap | | **(4,486,477)** | (6,836,529) | **(1,858,698)** | (1,954,210) |
| Dividen Dari Pelaburan | | **(84,393)** | 88,437 | **65,607** | 163,437 |
| Pertambahan/Pengurangan Dalam Pelaburan | | **52,168** | (2,747) | **52,168** | (2,747) |
| Pertambahan/Pengurangan Pelaburan Anak Syarikat | | **(82,508)** | - | **(2,508)** | - |
| Kerja Dalam Kemajuan | | **(201,292)** | (210,373) | **(201,292)** | (210,373) |
| Aliran Tunai Bersih Digunakan Untuk Aktiviti Pelaburan | | **(4,802,502)** | (6,961,212) | **(1,944,723)** | (2,003,893) |
| Pertambahan Bersih Tunai dan Bersamaan Tunai | | **60,914,398** | 7,155,168 | **56,692,942** | 6,698,096 |
| Tunai dan Tunai Bersama Tunai Awal Tahun | | **179,219,731** | 171,219,170 | **168,269,891** | 161,571,795 |
| **Tunai Bersamaan Tunai Akhir Tahun** | **31** | **240,134,129** | 178,374,338 | **224,962,833** | 168,269,891 |

*Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini*

# NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
## BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2008

## 1. MAKLUMAT AM

Majlis Agama Islam Selangor adalah sebuah badan yang ditubuhkan di bawah subseksyen 4(1) Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003

Aktiviti utama Majlis adalah melaksanakan pengurusan kutipan dan pengagihan zakat kepada lapan (8) asnaf ialah fakir, miskin, muallaf, amil, al-riqab, al-gharimin dan ibnu sabil melalui Lembaga Zakat Selangor (MAIS).

Lembaga Zakat Selangor (MAIS) diperbadankan pada 2 Oktober 2006 di bawah Akta Pemegang Amanah (Pemerbadanan) 1952 yang mana ianya berfungsi sebagai amil bagi pungutan dan agihan zakat di negeri Selangor.

Majlis juga berperanan dalam mengembangkan sumber perolehan Baitulmal dan Wakaf selaras dengan tanggungjawab Majlis untuk meningkatkan serta memajukan taraf sosio-ekonomi masyarakat Islam, amnya di Negeri Selangor berdasarkan hukum syarak. Manakala, sumber wakaf yang diterima akan menjadi milik Kumpulan Wang Wakaf mengikut Fasal 39, Bahagian VIII, Enakmen Wakaf (Negeri Selangor) No 7, 1999.

## 2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN UTAMA

### (a) Asas Penyediaan Penyata Kewangan

Penyata Kewangan Majlis disediakan mengikut kehendak-kehendak Akta Badan Berkanun 1980 dan diubahsuai mengikut garis panduan di dalam Amalan Terbaik Pengurusan Kewangan Majlis dan Piawaian-piawaian perakaunan Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia yang diluluskan di Malaysia.

### (b) Asas Penyatuan

Akaun-akaun yang disatukan termasuk akaun Majlis Agama Islam Selangor dengan akaun beraudit syarikat subsidiari dan syarikat bersekutu yang disediakan sehingga akhir tahun kewangan ini. Hasil syarikat subsidiari bagi tahun 2008 telah disatukan ke akaun pendapatan dan perbelanjaan kumpulan. Semua urusniaga di antara syarikat subsidiari telah dihapuskan semasa penyatuan dan akaun-akaun yang disatukan hanya mencerminkan urusniaga luar sahaja.

Keuntungan dan kerugian yang diiktiraf oleh syarikat bersekutu diambil kira dengan menggunakan kaedah ekuiti bermula dari tarikh pengaruh penting wujud secara efektif sehingga tarikh pengaruh penting tersebut berakhir secara efektif.

### (c) Harta-hartaPemilikan

i. Harta-harta pemilikan

Hartanah, loji dan peralatan adalah dinyatakan pada kos setelah ditolak susutnilai terkumpul. Keuntungan atau kerugian daripada pelupusan aset ditentukan melalaui perbezaan di antara anggaran hasil jualan bersih dan nilai aset yang dibawa dan diambilkira ke dalam penyata pendapatan.

ii. Susutnilai

Hartanah,loji dan peralatan adalah disusutnilaikan dengan menggunakan kaedah garis lurus untuk menghapuskira kos hartanah, loji dan peralatan ke atas jangka hayat penggunaanya seperti berikut :

| | |
|---|---|
| Bangunan | 2% |
| Kenderaan | 15% - 25% |
| Peralatan | 10% - 20% |
| Perabot dan Kelengkapan | 8% - 20% |
| Komputer | 20% |
| Alatan Klinik, Farmasi dan Asrama | 8% - 10% |
| Peralatan elektrik, Penghawa Dingin dan Generator | 8% - 20% |
| Pengubahsuaian | 10% |
| Tanah | Mengikut Tempoh Pajakan |

**(d) Kerja Dalam Kemajuan**

Perbelanjaan bersabit dengan pembangunan projek, bangunan dan pelbagai perbelanjaan yang secara langsung berkait dengannya dipermodalkan sebagai harta tetap setelah selesai kerja-kerja menyiapkan projek.

**(e) Pelaburan**

i. Pelaburan Saham Tersiar Harga

Pelaburan Saham Tersiar Harga dinyatakan pada kos tolak jumlah peruntukan atau dihapuskan bagi sebarang pengurangan tetap dalam nilai atau pada penilaian oleh para pengarah dengan mengambilkira nilai-nilai ketara bersih.

ii. Pelaburan Dalam Syarikat Subsidiari

Pelaburan Majlis dalam syarikat subsidiari telah dikontrakan dalam akaun disatukan manakala di peringkat akaun Majlis, pelaburan dalam syarikat subsidiari dicatitkan pada harga kos yang dilaburkan oleh Majlis

iii. Pelaburan Dalam Syarikat Bersekutu

Pelaburan dalam syarikat bersekutu adalah ditunjukkan pada kos campur keuntungan/kerugian syarikat bersekutu yang dilaburkan.

iv. Lain-lain Pelaburan

Pelaburan-pelaburan jangka panjang lain dinyatakan pada kos tolak jumlah yang diperuntukkan bagi pengurangan tetap dalam nilai, jika ada.

**(f) Inventori**

Inventori dinyatakan pada kos atau nilai jualan bersih, yang mana lebih rendah, selepas peruntukan secukupnya dibuat bagi semua barangan lama, rosak, lapuk atau stok yang sukar dijual.

**(g) Penghutang**

Penghutang telah dinyatakan pada nilai yang dijangka boleh direalisasikan. Anggaran atas hutang ragu telah dibuat berdasarkan ke atas semakan amaun tertunggak pada akhir tahun kewangan. Hutang lapuk dilupuskan pada tempoh dikenalpasti.

**(h) Pemiutang**

Pemiutang dinyatakan pada kos iaitu pada nilai setara yang dijangka akan dibayar pada masa hadapan bagi barangan dan perkhidmatan yang diterima.

(i) Sewa Beli dan Pajakan

Aset dibawah sewa beli dan pajakan yang pada asasnya memindahkan sebahagian besar risiko dan ganjaran yang berhubung dengan pemilikan aset Kumpulan dan Majlis (pajakan kewangan) adalah dipermodalkan dibawah Hartanah Loji dan Peralatan dan obligasi yang sepadan diperlakukan sebagai liabiliti.

Aset dan liabiliti pajakan berkaitan dicatat pada nilai muka aset pajakan (yang berasaskan anggaran nilai semasa bayaran pajakan minimum dari permulaan tempoh pajakan). Perbelanjaan kewangan bagi sewa pajak diambilkira dalam penyata kewangan sepanjang tempoh pajakan berdasarkan kaedah garislurus. Pajakan yang tidak memenuhi kriteria berkenaan dianggap sebagai pajakan operasi dan bayaran pajakan dimasukkan ke dalam penyata pendapatan semasa dijelaskan.

**(j) Polisi Geran**

i. Geran Berkaitan Pendapatan

Geran Berkaitan Pendapatan terbit bila mana Majlis memberi anugerah bantuan geran sebagai balasan kepada pematuhan syarat oleh syarikat subsidiari dalam aktiviti operasi. Geran berkaitan pendapatan adalah diakaunkan terus ke penyata pendapatan apabila ianya diberi.

ii. Geran Kerajaan – berkaitan aset

Geran Kerajaan - berkaitan aset terbit bila mana kerajaan negeri memberi anugerah bantuan geran bagi membolehkan syarikat subsidiari memperolehi, memiliki atau membina sesuatu aset jangka panjang. Geran tersebut kemudiannya dilunaskan ke penyata pendapatan mengikut jangka hayat aset berkenaan seperti mana nisbah susut nilai yang dikenakan ke atas aset berkenaan.

**(k) Hasil Sumber Wakaf**

Hasil wakaf adalah terdiri daripada sumber wakaf am, wakaf khas dan Saham Wakaf dan jika diterima digunakan berdasarkan peruntukan 33, Bahagian VIII Enakmen Wakaf (Negeri Selangor) No. 7, 1999. Hasil yang diterima daripada sumber wakaf akan menjadi milik Kumpulan Wang Wakaf mengikut Fasal 39, Bahagian VIII, Enakmen Wakaf (Negeri Selangor) No.7, 1999.

**( l ) Perletakan Hak Tanah Wakaf**

Majlis adalah pemegang amanah tunggal bagi semua wakaf, sama ada am atau khas, yang terletak dalam Negeri Selangor berdasarkan Fasal 32, bahagian VIII, Enakmen Wakaf (Negeri Selangor) No. 7, 1999.

**( m ) Cukai Pendapatan**

Cukai pendapatan untuk untung atau rugi bagi tahun semasa terdiri daripada cukai semasa dan cukai tertunda. Cukai semasa ialah jumlah anggaran cukai pendapatan yang perlu dibayar ke atas keuntungan boleh cukai bagi tahun semasa dan dikira menggunakan kadar cukai yang dikuatkuasakan pada tarikh lembaran imbangan.

Cukai tertunda diperuntukkan menggunakan kaedah liabiliti ke atas perbezaan sementara pada tarikh lembaran imbangan di antara asas cukai dan nilai bawaan bagi aset dan liabiliti dalam penyata kewangan. Secara prinsipnya, liabiliti cukai tertunda diiktiraf bagi kesemua perbezaan sementara boleh ditolak, kerugian cukai belum digunakan dan kredit cukai belum digunakan sehingga ketahap di mana perbezaan sementara boleh ditolak, kerugian cukai belum digunakan dan kredit cukai belum digunakan boleh direalisasikan dengan keuntungan boleh cukai masa depan yang boleh dicapai.

Cukai tertunda dikira pada kadar cukai yang diramal akan dikenakan dalam tahun apabila aset itu direalisasikan, atau liabiliti itu diselesaikan, berdasarkan kadar cukai yang telah dikuatkuasakan ataupun telah dikuatkuasakan sebahagian besarnya pada tarikh lembaran imbangan. Cukai tertunda diiktiraf dalam penyata pendapatan, kecuali jika terhasil daripada transaksi yang diiktiraf terus ke dalam ekuiti, di mana cukai tertunda dicajkan atau dikreditkan terus ke dalam ekuiti ataupun bila ia terhasil daripada kombinasi perniagaan yang merupakan pengambilalihan Majlis dimana cukai tertunda dimasukkan ke dalam ihsan atau ihsan negatif yang terhasil.

**( n ) Manfaat Pekerja**

i. Manfaat Jangka Pendek

Upah, gaji, bonus dan caruman keselamatan sosial diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam tempoh di mana perkhidmatan berkaitan diberikan oleh kakitangan kumpulan dan Majlis. Ketidakhadiran diberi pampasan terkumpul jangka pendek seperti cuti tahunan berbayar diiktiraf apabila perkhidmatan diberikan oleh kakitangan yang meningkatkan hak mereka kepada ketidakhadiran masa hadapan diberi pampasan ketidakhadiran tidak terkumpul jangka pendek seperti cuti sakit diiktiraf bila ketidakhadiran berlaku.

ii. Pelan Caruman Wajib

Pihak majikan perlu menyediakan pelan caruman wajib sebagai ganjaran selepas perkhidmatan sebagaimana yang dikehendaki oleh undang-undang. Caruman sedemikian diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam penyata pendapatan sebagaimana ia ditanggung.

**( o ) Instrumen Kewangan**

Instrumen kewangan di dalam Lembaran Imbangan merangkumi baki tunai dan bank, pelaburan, pemiutang, penghutang dan pinjaman. Kaedah pengiktirafan yang digunapakai dinyatakan secara individu di dalam penyata polisi perakaunan yang berkaitan.

**( p ) Tunai dan Bersamaan Tunai**

Tunai dan bersamaan tunai mengandungi tunai dalam tangan dan di bank, pelaburan Al-Mudharabah jangka pendek dengan bank berlesen, pelaburan-pelaburan mudahniaga dan overdraf.

## 3. PENDAPATAN

### (a) Kumpulan Wang Zakat

| | KUMPULAN DAN MAIS | |
|---|---|---|
| | 2008<br>RM | 2007<br>RM |
| Zakat Fitrah | 12,267,963 | 11,554,176 |
| Zakat Tanaman | 1,698,834 | 1,254,040 |
| Zakat Perniagaan | 46,142,219 | 43,774,867 |
| Zakat Harta | 24,330,024 | 20,576,280 |
| Zakat Emas | 497,940 | 453,290 |
| Zakat Ternakan | 15,957 | 28,210 |
| Zakat Perak | 5,476 | 848 |
| Zakat Qadha | 772,997 | 431,194 |
| Zakat Saham | 1,271,859 | 1,699,631 |
| Zakat Simpanan | 22,110,563 | 18,898,651 |
| Zakat KWSP | 4,599,680 | 3,194,779 |
| Zakat Pendapatan | 130,759,372 | 100,223,178 |
| | **244,472,884** | **202,089,144** |
| Keuntungan Akaun Semasa Zakat | 147,345 | 263,220 |
| Keuntungan Simpanan Pelaburan | 3,022,693 | 713,803 |
| Lebihan Peruntukan Agihan | 5,056,517 | - |
| | **252,699,439** | **203,066,167** |

### (b) Kumpulan Wang Baitulmal

| | MAIS | |
|---|---|---|
| | 2008<br>RM | 2007<br>RM |
| Sewaan dan Pajakan | 6,477,807 | 6,136,529 |
| Tebus Harta Pusaka | 1,120,733 | 1,092,918 |
| Hasil Pusaka | 322,672 | 278,523 |
| Harta Yang DiSerah | 35,114 | 31,274 |
| Pampasan & Sumbangan | 20,000 | - |
| Hasil Projek | 7,191,138 | - |
| Keuntungan Simpanan Pelaburan | 251,580 | 33,327 |
| Keuntungan Simpanan Semasa | 2,708 | 4,108 |
| Jualan Harta Tetap | 997,811 | - |
| Dividen dari Pelaburan | 65,607 | 163,436 |
| Lain-lain Hasil | 125,777 | 2,842,636 |
| | **16,610,947** | **10,582,751** |

(c) **Kumpulan Wang Wakaf**

| | KUMPULAN DAN MAIS | |
|---|---|---|
| | 2008 | 2007 |
| | RM | RM |
| Saham Wakaf Selangor | 975,604 | 1,038,042 |
| Sewaan Premis Wakaf | 181,400 | 107,500 |
| Keuntungan Simpanan Semasa | 1,803 | 7,338 |
| Keuntungan Simpanan Pelaburan | 163,474 | 78,797 |
| Pelbagai Pendapatan Wakaf | 261,466 | 159,717 |
| | **1,583,747** | **1,391,395** |

(d) **Pendapatan Operasi Syarikat Subsidiari**

Pendapatan operasi adalah perolehan yang diterima oleh syarikat-syarikat subsidiari Majlis, urusniaga antara syarikat-syarikat subsidiari dan Majlis telah dihapuskan semasa penyatuan.

| | MAIS | |
|---|---|---|
| | 2008 | 2007 |
| | RM | RM |
| Pendapatan Projek | 7,786,690 | 9,102,219 |
| Pendapatan Yuran | 37,541,569 | 21,996,898 |
| Pendapatan Sewaan Peralatan | 4,630,583 | 299,844 |
| Pendapatan Sewaan Khemah & Pembersihan | 1,407,714 | - |
| Peruntukan Geran | 14,000,000 | 12,000,000 |
| Lain-Lain Pendapatan Operasi | 2,151,767 | 782,541 |
| | **67,518,323** | **44,181,502** |

## 4. PERBELANJAAN

(a) **Perbelanjaan Wang Zakat**

| | MAIS | |
|---|---|---|
| | 2008 | 2007 |
| | RM | RM |
| Fakir | 15,844,562 | 2,092,059 |
| Miskin | 52,819,373 | 54,035,750 |
| Muallaf | 11,989,681 | 8,728,584 |
| Amil | 30,396,961 | 27,397,192 |
| Fisabillah | 68,829,270 | 84,584,939 |
| Al-Riqab | 1,089,512 | 965,436 |
| Ibnu Sabil | 18,976,522 | 428,568 |
| Al-Gharim | 699,808 | 17,130,226 |
| | **200,645,689** | **195,362,755** |

**(b) Perbelanjaan Wang Baitulmal**

| | KUMPULAN DAN MAIS | |
|---|---|---|
| | 2008 RM | 2007 RM |
| BantuanAnak Yatim | 200,000 | 178,050 |
| Bayaran Cukai Tanah, Takaful dan lain-lain Caj | 421,114 | 540,383 |
| Bayaran Tetap dan Sumbangan Umum | 502,088 | 296,851 |
| Belanja Keraian dan Pengurusan | 161,699 | 195,725 |
| Belanja Perjalanan dan Perhubungan | 159,150 | 122,271 |
| Belanja Perjalanan dan Sara Hidup | 2,895 | 4,824 |
| Belanja Utiliti | 525,880 | 516,648 |
| Elaun Hutang Ragu | 100,132 | 172,240 |
| Gaji, Elaun dan Bonus | 4,060,599 | 3,242,966 |
| Kenaan dan Caj Perkhidmatan | 531,812 | 1,017,431 |
| Mencetak Risalah | 128,912 | 109,660 |
| Penyelenggaraan dan Pembaikan | 672,863 | 639,012 |
| Perbelanjaan Alat Tulis dan Lain-lain Bekalan | 279,737 | 264,395 |
| Rosotnilai Pelaburan | 2,936,744 | - |
| Susutnilai Harta Tetap | 1,528,204 | 1,521,981 |
| Yuran Profesional | 642,911 | 452,691 |
| | **12,854,740** | **9,275,126** |

**(b) Perbelanjaan Wang Wakaf**

| | MAIS | |
|---|---|---|
| | 2008 RM | 2007 RM |
| Perkhidmatan Dan Bekalan | 18,659 | 38,396 |
| Penyelenggaraan dan Pembaikan | 100,608 | 33,400 |
| Perkhidmatan Honororium | 149,404 | 46,128 |
| Sumbangan dan Perbelanjaan Lain | 113,559 | 34,874 |
| Elaun Hutang Ragu | 1,400 | - |
| Susutnilai Aset Tetap | 93,274 | 198,896 |
| | **476,903** | **351,693** |

**(c) Perbelanjaan Operasi Syarikat Subsidiari**

Perbelanjaan operasi adalah perbelanjaan yang dilakukan oleh syarikat-syarikat subsidiary Majlis. Perbelanjaan termasuk perkara-perkara seperti berikut :

| | MAIS | |
|---|---|---|
| | 2008<br>RM | 2007<br>RM |
| Caj Perkhidmatan Bank | 27,591 | 28,760 |
| Cukai dan Takaful | 41,688 | 60,972 |
| Elaun Pengarah | 23,600 | 43,697 |
| Gaji, Elaun Dan Bonus | 8,829,721 | 14,558,780 |
| Konvokesyen, Orientasi dan Taaruf | 142,434 | 447,603 |
| Sewa Pejabat | 102,812 | 28,800 |
| Susut Nilai Harta Tetap | 2,970,731 | 2,414,906 |
| Yuran Audit | 64,200 | 44,500 |
| Yuran Profesional | 119,805 | 135,113 |

## 5. CUKAI DAN ZAKAT

| | KUMPULAN | | MAIS | |
|---|---|---|---|---|
| | 2008<br>RM | 2007<br>RM | 2008<br>RM | 2007<br>RM |
| Cukai tahun semasa | 162,447 | 100,571 | - | 1,989,293 |

Penyesuaian bagi perbelanjaan cukai pendapatan berkenaan ke atas keuntungan sebelum cukai pada kadar cukai pendapatan berkanun ke atas perbelanjaan cukai pendapatan, pada kadar cukai pendapatan efektif untuk Kumpulan adalah seperti berikut:

| | KUMPULAN | | MAIS | |
|---|---|---|---|---|
| | 2008 | 2007<br>RM | 2008<br>RM | 2007<br>RM |
| Lebihan sebelum cukai | **72,706,488** | 18,318,102 | **56,916,801** | 10,050,739 |
| Cukai pada kadar 20% (2006 : 20%) ke atas RM500,000 (2005:RM500,000) yang pertama bagi pendapatan yang dikenakan cukai | **345,765** | 100,000 | **-** | 100,000 |
| Cukai pada kadar 27% (2006:28%) ke atas baki pendapatan yang dikenakan cukai | **19,751,876** | 2,207,376 | **-** | 2,674,207 |
| Kesan cukai ke atas perbelanjaan yang tidak dibenarkan dalam menentukan keuntungan bercukai | **703,775** | 789,841 | **-** | - |
| Kesan cukai ke atas pendapatan yang tidak dikenakan cukai | **(20,639,627)** | (3,279,113) | **-** | (2,774,207) |
| Penggunaan kerugian cukai pada tahun-tahun lepas | **-** | - | **-** | |
| Kelebihan peruntukan cukai tertunda dalam tahun terdahulu | **-** | 277,724 | **-** | - |
| Pelarasan cukai tertunda untuk tujuan pindaan | **-** | - | **-** | - |
| Kekurangan peruntukan pada tahun-tahun lepas | **658** | 4,743 | **-** | - |
| Kesan cukai ke atas dividen diterima | **-** | - | **-** | - |
| | **162,447** | **100,571** | **-** | **-** |

## 6. HARTANAH LOJI DAN PERALATAN KUMPULAN

| | Tanah | Bangunan | Kenderaan | Peralatan Pejabat | Perabot & Kelengkapan | Mesin Pembersihan | Komputer | Buku-buku & Bekalan Lain | Alatan Klinik & Farmasi | Ubahsuai | Jumlah |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | RM | RM | RM | RM | RM | RM | RM | RM | RM | RM | RM |
| **Nilai buku bersih** | | | | | | | | | | | |
| Pada 1 Januari 2008 | 12,022,843 | 55,608,913 | 593,309 | 2,459,696 | 285,626 | 52,501 | 2,048,136 | 3,528,432 | 2,099,532 | 2,035,357 | **81,071,891** |
| Tambahan | 395,648 | 1,081,518 | 1,070,474 | 757,124 | 8,172 | 3,906 | 934,172 | 168,926 | 140,004 | 413,106 | **5,004,716** |
| Pelupusan/pelunasan | (55,264) | (8,384,111) | (2) | (214) | - | - | (16,074) | (1,458) | - | (14,015) | **(8,471,138)** |
| Susut nilai | (90,223) | (1,111,466) | (275,563) | (927,791) | (108,413) | (13,652) | (573,467) | (533,794) | (481,923) | (412,552) | **(4,574,274)** |
| Pindahan aset | | | | | | | | | | | |
| Pada 31 Disember 2008 | **12,273,004** | **47,194,854** | **1,388,219** | **2,289,088** | **185,385** | **42,755** | **2,392,767** | **3,162,106** | **1,757,613** | **2,021,896** | **73,031,194** |
| **Pada 31 Disember 2008** | | | | | | | | | | | |
| Kos | 13,660,113 | 56,956,683 | 3,407,201 | 9,678,336 | 943,291 | 137,292 | 8,276,959 | 5,444,759 | 2,534,443 | 5,875,795 | **107,490,241** |
| Susut nilai terkumpul | (1,387,109) | (9,761,829) | (2,018,984) | (7,389,248) | (757,906) | (94,537) | (5,884,192) | (2,282,653) | (776,830) | (3,853,899) | **(34,459,047)** |
| Nilai buku bersih | **12,273,004** | **47,194,854** | **1,388,218** | **2,289,088** | **185,385** | **42,755** | **2,392,767** | **3,162,106** | **1,757,613** | **2,021,896** | **73,031,194** |
| **Pada 31 Disember 2007** | | | | | | | | | | | |
| Kos | 13,319,729 | 64,259,276 | 2,336,730 | 8,921,426 | 935,119 | 133,386 | 7,358,861 | 5,277,291 | 2,394,439 | 5,476,704 | **110,956,664** |
| Susut nilai terkumpul | (1,296,886) | (8,650,363) | (1,743,421) | (6,461,457) | (649,493) | (80,885) | (5,310,725) | (294,907) | (206,430) | (3,441,347) | **(29,884,773)** |
| Nilai buku bersih | **12,022,843** | **55,608,913** | **593,309** | **2,459,696** | **285,626** | **52,501** | **2,048,136** | **3,528,432** | **2,099,532** | **2,035,357** | **81,071,891** |

| | Tanah Bebas | Tanah Pajakan 99 Tahun | Tanah dan Harta Faraid | Bangunan | Peralatan Pejabat | Perabot & Kelengkapan | Alat Bekalan Lain | Komputer | Kenderaan | Ubahsuai Bangunan | Jumlah |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | RM | RM | RM | RM | RM | RM | RM | RM | RM | RM | RM |
| **Nilai buku bersih** | | | | | | | | | | | |
| Pada 1 Januari 2008 | 1,201,399 | 10,821,070 | 375 | 53,413,910 | 176,808 | 280,475 | 19,872 | 319,669 | 162,785 | 682,094 | **67,075,457** |
| Tambahan | 36,000 | 359,638 | 10 | 938,000 | 28,212 | 5,482 | - | 143,248 | 348,109 | - | **1,858,698** |
| Pelupusan | (55,000) | (248) | (17) | (8,384,111) | - | - | - | - | (2) | (9,500) | **(8,448,878)** |
| Susut nilai | - | (90,223) | - | (1,060,169) | (54,500) | (102,994) | (6,390) | (99,607) | (74,282) | (133,313) | **(1,621,478)** |
| Pelarasan | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - | **-** |
| Pada 31 Disember 2008 | **1,182,399** | **11,090,236** | **368** | **44,907,630** | **150,520** | **182,963** | **10,482** | **363,310** | **436,611** | **539,281** | **58,863,799** |
| **Pada 31 Disember 2008** | | | | | | | | | | | |
| Kos | 1,182,400 | 12,477,346 | 368 | 54,283,051 | 633,102 | 858,528 | 24,631 | 976,475 | 775,806 | 2,163,964 | **73,375,670** |
| Susut nilai terkumpul | - | (1,387,109) | - | (9,375,421) | (482,582) | (675,565) | (14,149) | (613,165) | (339,196) | (1,624,683) | **(14,511,870)** |
| Nilai buku bersih | **1,182,400** | **11,090,236** | **368** | **44,907,630** | **150,520** | **182,963** | **10,482** | **363,310** | **436,610** | **539,281** | **58,863,800** |
| **Pada 31 Disember 2007** | | | | | | | | | | | |
| Kos | 1,201,400 | 12,117,956 | 375 | 61,729,162 | 604,890 | 853,046 | 24,631 | 833,227 | 427,699 | 2,173,464 | **79,965,850** |
| Susut nilai terkumpul | - | (1,296,886) | - | (428,082) | (428,082) | (572,571) | (7,759 | - | (264,914) | (1,491,370) | **(12,890,392)** |
| Nilai buku bersih | **1,201,400** | **10,821,070** | **375** | **53,413,910** | **176,808** | **280,475** | **16,872** | **319,669** | **162,785** | **682,094** | **67,075,458** |

**Nota :**

a. Satus tanah Majlis dan tanah faraid merupakan tanah pegangan bebas atau tanah pajakan masih dalam proses penyiasatan.

b. Tanah Kampung Melayu Subang ternasuk dalam daftar tanah kerana diberi milikan oleh Pejabat Tanah Petaling kepada MAIS melalui Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor (MMKN). Pihak MAIS masih belum membayar sebarang premium tetapi telah membelanjakan RM721,000 pada tahun 2006 dan RM1,304,800 pada tahun 2005 bagi membayar pampasan keapada penduduk sebagai syarat untuk mendapatkan tanah tersebut.

c. Pelupusan bangunan merupakan sebahagian pelupusan harta Wakaf yang dibiayai melalui kutipan saham wakaf khas, pada tahun semasa pihak MAIS melalui mesyuarat Jawatankuasa Wakaf telah memutuskan dasar/polisi baru dimana segala kutipan wakaf khas adalah merupakan satu tanggungan kepada pihak Majlis (Amanah) dan segala pembinaan atau pembelian aset melalui kaedah kutipan saham wakaf khas adalah bukan harta Majlis.

## 7. KERJA DALAM KEMAJUAN

| | KUMPULAN | | MAIS | |
|---|---|---|---|---|
| | 2008 RM | 2007 RM | 2008 RM | 2007 RM |
| **Baki pada awal tahun** | | | | |
| ( - ) Pindahan pada tahun semasa | **9,291,212** | 9,080,839 | **3,625,396** | 3,415,023 |
| | **80,000** | - | **80,000** | - |
| | **9,371,212** | 9,080,839 | **3,705,396** | 3,415,023 |
| | **121,292** | 210,373 | **121,292** | 210,373 |
| ( + ) Pertambahan tahun semasa | **9,371,212** | 9,080,839 | **3,705,396** | 3,415,023 |
| **Baki pada akhir tahun** | **9,492,504** | 9,291,212 | **3,826,688** | 3,625,396 |

Kerja Dalam Kemajuan merupakan pelaburan modal Kumpulan Majlis Agama Islam Selangor dalam projek-projek pembangunan hartanah untuk menambahkan pemilikan harta Majlis . Termasuk di dalam tambahan kepada perbelanjaan pembangunan pada tahun semasa adalah pembinaan bangunan kedai pejabat.

## 8. PELABURAN DALAM SAHAM TERSIAR HARGA

Pelaburan saham yang dilaksanakan oleh Majlis adalah di dalam syarikat-syarikat yang mempunyai dasar dan aktiviti selaras dengan Hukum Syarak serta diluluskan oleh Majlis Penasihat Syariah Suruhanjaya Sekuriti.

| | MAIS | |
|---|---|---|
| | 2008 RM | 2007 RM |
| **Pada Kos :** | | |
| RHB Asset Management Sdn Bhd | **-** | 52,168 |
| Bank Islam Malaysia Berhad | **8,087,593** | 8,087,593 |
| C.I Holdings Berhad | **2,000** | 2,000 |
| | **8,089,593** | 8,141,761 |
| Peruntukan rosot nilai pelaburan | **(3,095,128)** | (158,384) |
| | **4,994,465** | 7,983,377 |
| **Nilai pasaran pada 31 Disember** | | |
| Bank Islam Malaysia Berhad | **4,992,465** | 7,929,209 |

## 9. PELABURAN DALAM SYARIKAT MILIKAN

| | MAIS | |
|---|---|---|
| | 2008 RM | 2007 RM |
| Kos pelaburan | 3,970,515 | 3,970,515 |
| Pertambahan dari penskstrukturan semula syarikat subsidiari | 2,508 | - |
| Kos pelaburan saham pada 31 Disember | **3,973,023** | 3,970,515 |

Senarai kepentingan Majlis dalam syarikat subsidiari adalah seperti berikut :

| Nama Syarikat | Pegangan Ekuiti | | Aktiviti utama |
|---|---|---|---|
| | 2008 | 2007 | |
| 1. MAIS Corporation Sdn Bhd *dan syarikat subsidiarinya* | **100%** | - | Pelaburan dan pengurusan entiti |
| - MAIS Constructions & Properties Sdn Bhd | **100%** | 100% | Kontraktor projek |
| - MAIS Trading Sdn Bhd | **100%** | 100% | Perdagangan dan perkhidmatan |
| - MAIS Healthcare Sdn Bhd *dan syarikat subsidiarinya* | **100%** | 100% | Perkhidmatan Kesihatan |
| - Bakti Suci Nefro Sdn Bhd | **80%** | - | Perkhidmatan Kesihatan |
| - MAIS Agrobase Sdn Bhd | **100%** | 100% | Tidak Aktif |
| - MAIS Travel & Tours Sdn Bhd | **100%** | 100% | Tidak Aktif |
| - MAIS Services Sdn Bhd | **100%** | - | Perkhidmatan pembersihan |
| 2. MAIS Zakat Sdn Bhd | **100%** | 100% | Tidak Aktif |
| 3. Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor Sdn Bhd | **100%** | 100% | Institut pengajian Tinggi |

**Nota :**
Pada tahun semasa, Majlis telah menstruktur semula syarikat -syarikat subsidiarinya dengan menubuhkan syarikat baru iaitu MAIS Corporation Sdn Bhd dengan memindahkan saham syarikat MAIS Construction & Properties Sdn Bhd, MAIS Trading Sdn Bhd, MAIS Healthcare Sdn Bhd, MAIS Agrobase Industries Sdn Bhd, MAIS Travel and Tours Sdn Bhd kepada Syarikat MAIS Corporation Sdn Bhd. MAIS Corporation Sdn Bhd berperanan sebagai syarikat induk kepada lima syarikat subsidiari Majlis sebelum ini.

## 10. PELABURAN DALAM SYARIKAT BERSEKUTU

| | KUMPULAN | | MAIS | |
|---|---|---|---|---|
| | 2008 RM | 2007 RM | 2008 RM | 2007 RM |
| Saham pada kos | **4,182,912** | 4,182,912 | **4,182,912** | 4,182,912 |
| Bahagian keuntungan/kerugian terkumpul | **(3,187,550)** | (3,031,032) | **-** | - |
| Bahagian keuntungan/kerugian tahun semasa | **7,811** | (156,518) | **-** | - |
| | **1,003,173** | **995,362** | **4,182,912** | **4,182,912** |
| Pembahagian aset bersih dalam Syarikat Bersekutu | **1,003,173** | 995,362 | **4,182,912** | 4,182,912 |

Butir syarikat yang ditubuhkan di Malaysia, adalah seperti berikut :

| Nama Syarikat | Pegangan Ekuiti | | Aktiviti utama |
|---|---|---|---|
| | 2008 | 2007 | |
| Hospital PUSRAWI SMC Sdn Bhd | **47.72%** | 47.72% | Perkhidmatan Perubatan |

## 11. LAIN-LAIN PELABURAN

| | KUMPULAN DAN MAIS | |
|---|---|---|
| | 2008<br>RM | 2007<br>RM |
| Syarikat Permodalan Selangor Berhad | **150,000** | 150,000 |
| | **150,000** | 150,000 |

## 12. INVENTORI

| | KUMPULAN DAN MAIS | |
|---|---|---|
| | 2008<br>RM | 2007<br>RM |
| Buku Perbendaharaan Al-Quran | **425,000** | - |
| Barang-Barang Ibadah Dan Permaidani | **84,280** | 84,311 |
| | **509,280** | 84,311 |

## 13. PENGHUTANG

| | KUMPULAN | | MAIS | |
|---|---|---|---|---|
| | 2008<br>RM | 2007<br>RM | 2008<br>RM | 2007<br>RM |
| Pinjaman Kakitangan | **88,496** | 95,972 | **88,496** | 95,972 |
| Tanah Pesaka | **1,297,173** | 2,008,787 | **1,297,173** | 2,008,787 |
| Sewa Premis | **2,057,432** | 344,659 | **2,057,432** | 617,828 |
| Pendahuluan Projek | **1,793,952** | 245,633 | **1,793,952** | 245,633 |
| Penghutang Perniagaan | **27,935,287** | 13,031,267 | **1,450,292** | - |
| | **33,172,341** | 15,726,319 | **6,687,345** | 2,968,220 |
| Tolak : Alaun Hutang Ragu | **(348,727)** | (248,275) | **(348,727)** | (248,275) |
| | **32,823,614** | 15,478,044 | **6,338,618** | 2,719,945 |

## 14. PELBAGAI PENGHUTANG, PRABAYAR DAN DEPOSIT

| | KUMPULAN | | MAIS | |
|---|---|---|---|---|
| | 2008<br>RM | 2007<br>RM | 2008<br>RM | 2007<br>RM |
| Pelbagai Penghutang dan Prabayar | **3,522,395** | 3,289,426 | **475,061** | 729,959 |
| Pelbagai Deposit | **461,578** | 184,628 | **180,518** | 184,628 |
| | **3,983,973** | 3,474,054 | **655,579** | 914,587 |

## 15. PENDAHULUAN KEPADA SYARIKAT BERSEKUTU

| | KUMPULAN | | MAIS | |
|---|---|---|---|---|
| | 2008<br>RM | 2007<br>RM | 2008<br>RM | 2007<br>RM |
| Hospital Pusrawi SMC Sdn Bhd | **348,088** | 348,088 | **348,088** | 348,088 |

Amaun yang ditanggung tidak dikenakan faedah, tidak bercagar dan tiada tempoh tetap untuk pembayaran semula.

## 16. PENDAHULUAN KEPADA LZS

Pendahuluan diberikan oleh Majlis kepada Lembaga Zakat Selangor (LZS) bagi membiayai pembelian Hartanah di SS 14, Shah Alam dan pendahuluan ini mempunyai tempoh bayaran balik seperti mana yang telah ditetapkan.

## 17. PELABURAN AL-MUDHARABAH

| | KUMPULAN | | MAIS | |
|---|---|---|---|---|
| **Pelaburan Al-Mudhrabah jangka pendek** | 2008<br>RM | 2007<br>RM | 2008<br>RM | 2007<br>RM |
| ***Di Institut Kewangan Berlesen :*** | | | | |
| Bank Kerjasama Rakyat (M) Bhd. | **62,640,000** | 7,000,000 | **62,640,000** | 7,000,000 |
| Bank Muamalat (M) Bhd. | **91,190,000** | 5,240,684 | **91,190,000** | 5,240,684 |
| Bank Islam (M) Bhd. | **5,385,973** | 56,200,00 | **5,385,973** | 56,200,000 |
| RHB Asset Management Sdn. Bhd. | **53,573** | - | **53,573** | - |
| Simpanan Pelaburan oleh Anak Syarikat | **13,184,638** | 8,266,786 | **-** | - |
| | **172,454,184** | 76,707,470 | **159,269,546** | 68,440,684 |

| | MAIS | |
|---|---|---|
| **Di Institut Kewangan Berlesen :** | 2008<br>RM | 2007<br>RM |
| ***Pecahan Mengikut Sumber Wang*** | | |
| Sumber Wang Zakat | **136,385,973** | 51,740,684 |
| Sumber Wang Baitulmal | **9,453,573** | 1,700,000 |
| Sumber Wang Wakaf | **5,950,000** | 4,500,000 |
| Sumber Wang Amanah | **6,980,000** | 10,000,000 |
| Sumber Wang Dana Masjid | **500,000** | 500,000 |
| | **159,269,546** | 68,440,684 |

## 18. WANG TUNAI DI BANK DAN DITANGAN

Wang tunai di tangan dan di bank bagi kumpulan adalah baki akaun semasa syarikat subsidiari dan Majlis.

| | KUMPULAN | |
|---|---|---|
| | 2008<br>RM | 2007<br>RM |
| Majlis Agama Islam Selangor | **15,358,880** | 33,018,593 |
| MAIS Corporation Sdn Bhd dan Syarikat Subsidiari | **837,510** | 774,875 |
| MAIS Zakat Sdn Bhd | **-** | - |
| Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor Sdn Bhd | **1,141,648** | 953,646 |
| | **17,338,038** | 34,747,114 |

Wang tunai di tangan dan di bank Majlis adalah baki akaun-akaun semasa Majlis.

| | MAIS | |
|---|---|---|
| | 2008<br>RM | 2007<br>RM |
| Akaun Zakat | **13,852,41** | 28,945,596 |
| Akaun Zakat 2 | **149,043** | 446,113 |
| Akaun Baitulmal | **10,257** | 1,022,020 |
| Akaun Baitulmal 2 | **122,317** | 122,317 |
| Akaun Wakaf | **147,494** | 104,088 |
| Akaun Wakaf 2 | **462,188** | 337,207 |
| Akaun Wakaf Manfaat | **15,190** | 180,181 |
| Akaun Amanah | **371,746** | 1,632,645 |
| Akaun Tabung Sumbangan Anak Yatim | **91,058** | - |
| Akaun Dana Masjid | **131,175** | 198,781 |
| Akaun Pinjaman Kenderaan | **-** | 26,645 |
| Tunai di tangan | **6,000** | 3,000 |
| | **15,358,880** | 33,018,593 |

**Nota :**
Akaun bank syarikat subsidiari dan Majlis adalah terdiri daripada akaun semasa di bank-bank yang mengamalkan Perbankan Islam selaras dengan hukum syarak.

## 19. WANG DALAM PERJALANAN

Wang Dalam Perjalanan adalah wang kutipan zakat dan saham wakaf di kaunter-kaunter Lembaga Zakat Selangor (LZS), agen-agen Bank yang belum di pindahkan ke dalam Akaun Induk MAIS.

| | MAIS | |
|---|---|---|
| | 2008<br>RM | 2007<br>RM |
| Kutipan Zakat di kaunter LZS | **50,113,081** | 56,596,110 |
| Kutipan Saham Wakaf di kaunter LZS | **67,490** | 104,600 |
| Zakat Fitrah Di Bank Simpanan Nasional | **153,835** | 10,109,904 |
| | **50,334,406** | 66,810,614 |

## 20. WANG AMANAH

Wang Amanah adalah segala jenis Amanah yang diwujudkan melalui Bab IV, Undang-Undang Pentadbiran Perundangan Islam No.3, 1952.

| | MAIS | |
|---|---|---|
| | 2008<br>RM | 2007<br>RM |
| Derma Pusat Pengajian Islam (M) U.K | **1,222** | 1,222 |
| Derma Surau Qariah Hj. Ali, Klang | **-** | 3,314 |
| Derma Masjid Al-Mukmin & Al-Madinah | **-** | 3,782 |
| Sumbangan Penggunaan Tanah JAIS | **2,068,342** | 917,248 |
| Elaun Pegawai Masjid | **105,042** | 87,235 |
| Amanah Shaari Ismail | **-** | 15,749 |
| Tabung Amanah Bosnia | **-** | 67,728 |
| Keuntungan Simpanan Semasa | **16,134** | 12,679 |
| Elaun AJK Masjid (Zakat) | **13,310** | 476,517 |
| Honororium Majalah | **4,500** | 3,200 |
| Pelbagai Terimaan | **60,971** | 36,020 |
| Masjid Jamek Kalompang | **666** | 3,588 |
| Projek Fakulti Undang-Undang (KUIS) | **1,122,207** | 2,130,112 |
| Masjid Taman Dato' Harun, Petaling Jaya | **-** | 15,715 |
| SRA Bandar Tasik Puteri, Rawang, Gombak | **49,178** | 141,376 |
| Masjid An Nur Bandar Country Home | **-** | 7,500 |
| Fidyah Puasa | **-** | 275 |
| Masjid Negeri (Penghawa Dingin) | **-** | 104,000 |
| Baki b/b | **3,441,571** | 4,027,260 |

*sambunagn*

| | MAIS | |
|---|---|---|
| | 2008 | 2007 |
| | RM | RM |
| Pembinaan Surau Darul Salim | **-** | 4,762 |
| Pembinaan Kompleks Asnaf, Kg Perepat | **3,250,967** | 7,280,000 |
| Keuntungan Pelaburan SIA | **207,636** | 43,635 |
| MSSAAS (Tangga Bergerak) | **-** | 600 |
| Tabung Sumbangan Anak Yatim | **91,058** | – |
| Peruntukkan Bagi (PPKI) & (PPS) | **26,590** | – |
| Tabung Derma Hari Quds Selangor | **13,051** | – |
| Penyelidikan Isu-isu Murtad Selangor | **22,893** | - |
| Rapid Test JAIS | **388,577** | 273,037 |
| | **7,442,345** | 11,629,294 |

## 21. SAHAM WAKAF KHAS

| | MAIS | |
|---|---|---|
| | 2008 | 2007 |
| | RM | RM |
| Masjid Taman Bandaran | **53,449** | - |
| Masjid Kunci Air Buang | **11,841** | - |
| Masjid Sultan Abdul Aziz | **940,244** | - |
| ABIEDAMI | **960** | - |
| KAFA Integrasi | **2,802** | - |
| Surau At-Taufiqiyyah | **98,326** | - |
| SMK TTDI Jaya | **24,750** | - |
| Rumah Amal Limpahan Kasih | **265** | - |
| SRA Pulau Indah | **2,000,000** | - |
| | **3,132,636** | |

**Nota :**
Pada tahun semasa kutipan saham wakaf khas yang sebelum ini diklasifikasikan sebagai pendapatan kumpulan wang wakaf, telah ditukar kepada liabiliti semasa berdasarkan kepada keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Wakaf 4/2008.

## 22. PELBAGAI PEMIUTANG DAN AKRUAN

| | KUMPULAN | | MAIS | |
|---|---|---|---|---|
| | 2008<br>RM | 2007<br>RM | 2008<br>RM | 2007<br>RM |
| Pelbagai Pemiutang | **4,488,076** | 5,953,553 | **1,357,183** | 1,368,484 |
| Pemiutang Tajaan | **145,905** | 332,541 | **-** | - |
| Perbelanjaan Akruan | **11,601,170** | 7,492,214 | **7,561,510** | 6,947,495 |
| Yuran Audit | **64,200** | 70,500 | **-** | 26,000 |
| Pelbagai Pemiutang - Sewa Beli | **632,250** | 59,582 | **-** | - |
| Pendapatan Tertunda | **4,039,419** | 4,932,337 | **-** | - |
| | **20,962,019** | 18,840,727 | **8,918,693** | 8,341,979 |

Termasuk dalam pelbagai pemiutang dan akruan ialah pemiutang perbelanjaan Baitulmal, zakat dan perbelanjaan syarikat subsidiari Majlis pada tahun semasa.

## 23. PERUNTUKAN PENDAHULUAN AGIHAN ZAKAT

Merupakan baki akaun agihan zakat (pendahuluan yang diberikan oleh pihak Majlis) yang diuruskan oleh Lembaga Zakat Selangor (LZS) dan UiTM bagi tujuan agihan kepada asnaf termasuk agihan yang telah di peruntukan tetapi belum dijelaskan (bayar).

| | MAIS | |
|---|---|---|
| | 2008<br>RM | 2007<br>RM |
| Pendahuluan kepada LZS | **9,830,511** | 3,254,454 |
| Pendahuluan kepada UITM | **(472,703)** | (462,950) |
| | **(9,357,809)** | (2,791,950) |

## 24. PEMBIAYAAN AL-MUSYARAKAH

Pembiayaan Al-Musyarakah telah dimenterai di antara salah sebuah syarikat subsidiari dengan Bank Islam (M) Berhad berkaitan dengan perkongsian pembiayaan projek pangsapuri di atas sebidang tanah milik Majlis di Telok Gadong, Klang, Selangor Darul Ehsan yang dimajukan oleh MAIS Construction and Properties Sdn Bhd.

## 25. PEMBIAYAAN AL-BAI BITHAMAN AJIL

| | MAIS | |
|---|---|---|
| | 2008<br>RM | 2007<br>RM |
| **Jumlah terhutang :** | | |
| - Dalam masa 1 tahun | **1,504,160** | 1,518,798 |
| - Dalam masa 2 tahun hingga 5 tahun | **6,768,719** | 10,107,972 |
| | **8,272,879** | 11,626,770 |
| Tolak : Caj Pembiayaan Tertangguh | **(1,387,002)** | (3,753,203) |
| | **6,885,877** | 7,873,567 |
| **Bahagian yang perlu dibayar :** | | |
| Pembayaran balik dalam masa 1 tahun | **1,068,814** | 987,681 |
| Pembayaran balik dalam 1 hingga 5 tahun | **5,817,063** | 6,885,886 |
| | **6,885,877** | 7,873,567 |

Kadar caj pembiayaan adalah pada 6.8%

Kemudahan ini adalah pembiayaan yang diterima oleh Majlis Agama Islam Selangor daripada Bank Muamalat Malaysia Berhad bagi tujuan membiayai projek pembinaan pangsapuri perkhidmatan dan 39 unit kedai di Seksyen 3 Shah Alam.

## 26. PINJAMAN MUDAH DARI KERAJAAN NEGERI

Pinjaman mudah dari Kerajaan Negeri merupakan pinjaman yang diterima daripada Kerajaan Negeri Selangor berjumlah RM4,000,000 (2007: RM4,000,000), yang mana pinjaman tersebut tidak dikenakan sebarang faedah. Pinjaman tersebut perlu dibayar dalam tempoh 15 tahun bermula pada tahun 2009.

## 27. GERAN KERAJAAN NEGERI – BERKAITAN ASET

| | KUMPULAN | |
|---|---|---|
| | 2008<br>RM | 2007<br>RM |
| Baki pada 1 Januari | **126,000** | 133,000 |
| Pelunasan – dipindah pada penyata pendapatan | **(7,000)** | (7,000) |
| Baki pada 31 Disember | **119,000** | 126,000 |

## 28. SEWA BELI JANGKA PANJANG

| | KUMPULAN | |
|---|---|---|
| | 2008 | 2007 |
| | RM | RM |
| **Jumlah terhutang :** | | |
| Pemiutang pajakan | **1,904,954** | 201,988 |
| Tolak : Caj Pembiayaan Tertangguh | **(55,947)** | (20,136) |
| | **1,849,007** | 181,852 |
| **Bahagian yang perlu dibayar :** | | |
| Pembayaran balik dalam masa 1 tahun | **623,250** | 59,582 |
| *(termasuk dalam pelbagai pemiutang)* | | |
| Pembayaran balik masa 1 hingga 5 tahun | **1,225,757** | 122,270 |
| | **1,849,007** | 181,852 |

## 29. TABUNG BIASISWA REKTOR

Tabung biasiswa rektor merupakan tabung yang diwujudkan oleh Kolej Universiti Islam Selangor Sdn Bhd (KUIS) sebuah syarikat subsidiari Majlis untuk membiayai pelajar asasi yang mengekalkan prestasi purata nilai gred terkumpul (PNGK) tidak kurang dari 3 mata.

| | KUMPULAN | |
|---|---|---|
| | 2008 | 2007 |
| | RM | RM |
| Baki pada 1 Januari | **500,000** | |
| Tambahan : Peruntukan dan terimaan sumbangan | **1,234,505** | 500,000 |
| Tolak : Pembiayaan semasa | **(271,532)** | |
| Baki pada 31 Disember | **1,462,973** | 500,000 |

## 30. PELARASAN TAHUN LEPAS

Pelarasan baki wang terkumpul KUMPULAN adalah melibatkan perkara seperti berikut :

| | Baki Pada Awal Tahun | Pelarasan Tahun Lepas | Baki Selepas Pelarasan |
|---|---|---|---|
| **Kumpulan Wang** | | | |
| Kumpulan Wang Zakat | **137,280,018** | 823,156 | **138,103,174** |
| Kumpulan Wang Baitulmal | **73,347,314** | (149,859) | **73,197,455** |
| Kumpulan Wang Wakaf | **14,498,106** | (10,744,117) | **3,753,989** |
| Syarikat Subsidiari | **15,331,245** | 3,446 | **15,334,691** |

## 31. TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI BERSIH

| | KUMPULAN | | MAIS | |
|---|---|---|---|---|
| | 2008 RM | 2007 RM | 2008 RM | 2007 RM |
| Pelaburan Al-Mudharabah | **172,454,184** | 76,707,470 | **159,269,546** | 68,440,684 |
| Tunai di Bank dan Tunai di Tangan | **17,338,038** | 34,747,114 | **15,358,880** | 33,018,593 |
| Wang Deposit dan Jaminan Bank | **7,500** | 109,140 | **-** | - |
| Wang Dalam Perjalanan | **50,334,406** | 66,810,614 | **50,334,406** | 66,810,614 |
| | **240,134,129** | 178,374,338 | **224,962,833** | 168,269,891 |

## 32. ANGKA PERBANDINGAN

Angka perbandingan bagi Penyata Akaun yang disatukan antara Majlis dan syarikat subsidiari dalam kumpulan telah direklasifikasikan untuk pengesahan supaya bersesuaian dengan pembentangan penyata pada tahun semasa.

Laporan

# OPERASI

Proses pemerkasaan dan pemantapan struktur organisasi MAIS terus menjadi agenda MAIS untuk tahun 2008. Fokus berterusan ini memberi penumpuan dari segi peranan MAIS dalam pengisian dakwah di Selangor serta program pembangunan dan kesejahteraan sosial.

Dua agenda utama ini memberi penumpuan khusus kepada saudara baru yang memeluk Islam, dakwah kepada bukan Islam serta menguruskan tabung amanah anak yatim negeri Selangor.

## PERANAN MAIS DALAM PENGISIAN DAKWAH DI SELANGOR

Dakwah bermaksud usaha perpindahan paradigma umat manusia kepada suatu tahap sesuai dengan tabiat semulajadi manusia ciptaan Allah SWT. Dengan kata lain proses ini merupakan usaha mengubah situasi kepada situasi yang lebih baik lebih sempurna merujuk kepada peribadi mahupun masyarakat.

Usaha dakwah Islam di Selangor tidak lagi tertumpu kepada dakwah dikalangan masyarakat Islam tetapi merangkumi dakwah global kepada segenap lapisan masyarakat, bangsa dan negara. Asas metadologi dakwah yang telah dilaksanakan oleh MAIS meliputi tiga pendekatan iaitu dengan cara hikmah, cara nasihat yang baik dan dengan perbincangan serta dialog dan perbahasan yang terbaik. Ketiga-tiga asas tersebut merupakan asas utama kepada metadologi yang dipraktikkkan oleh MAIS agar usaha penyebaran dakwah sampai kepada sasarannya.

Majlis Agama Islam Selangor melalui Bahagian Pembagunan Insan sangat serius dalam melahirkan masyarakat saudara baru yang menghayati dan komited terhadap ajaran Islam. Justeru itu dalam memperluaskan dakwah di Selangor dengan memberi penumpuan kepada saudara baru merupakan suatu agenda yang penting bagi tahun 2008 ini.

### Pemantapan Organisasi Dakwah Mualaf

Selari dengan pemerkasaan MAIS maka Majlis Agama Islam Selangor melalui Bahagian Pembangunan Insan MAIS sebelum ini dikenali sebagai Unit Dakwah Saudara Kita telah diberi gelaran baru. Dengan visi dan misi untuk memberi segala bentuk bantuan dan bimbingan kepada saudara baru supaya terus istiqomah terhadap ajaran Islam dan diharapkan mampu memberikan panduan serta bimbingan yang berkesan dalam meningkatkan dakwah kepada negeri Selangor ini. Bahagian ini juga telah dikembangkan kepada tiga unit dalam merealisasikan agenda dakwah kepada semua golongan bangsa dan agama iaitu Unit Dakwah Saudara Kita, Unit Dakwah Global , Unit Hal Ehwal Islam Hospital dan Unit Dakwah Ar-Riqab. Berikut disenaraikan peranan-peranan unit tersebut :

### Unit Dakwah Saudara Kita

- Menguruskan proses pengislaman bagi non muslim yang hendak memeluk agama Islam.
- Menyedia serta melaksanakan Kursus Intensif Asas Agama Islam
- Menyediakan kemudahan kursus kelas agama bagi pemantapan akidah dan pemahaman yang berterusanterhadap ajaran Islam.
- Merancang dan melaksanakan program dakwah bagi meningkatkan kefahaman Islam dengan kerjasama NGO Islam.

Sasaran kerja yang telah dilaksanakan :

- Program Pengurusan Rekod Mualaf
- Program Pembangunan Pendidikan dan Latihan Mualaf
- Program-program Sosial : Majlis Tilawah Al-Quran, Hari keluarga Mualaf, lawatan
- Program Pembangunan Insan Dakwah Orang Asli



• Program Pembangunan Pendidikan dan Latihan Mualaf

## Unit Dakwah Global MAIS

- Menyebarkan dakwah Islamiah kepada masyarakat bukan Islam
- Bertanggungjawab menyelenggara pelbagai program, kursus aktiviti-aktiviti yang berkaitan dakwah bukan muslim
- Menyusun strategi dakwah di tempat yang dianggap berpotensi menerima dakwah Islamiah

Sasaran kerja yang telah dilaksanakan :

- Ziarah Ukhwah
- Kaunter Penerangan & Pameran Islam
- Bengkel Dakwah Profesional
- Kursus Perkaderan Mualaf
- Kursus Perkaderan Profesioanal
- Program Skuad Mesra : melaksanakan ziarah dakwah melibatkan beberapa daerah di Selangor
- Mesyuarat Jawatankuasa Dakwah Negeri
- Seminar Dakwah Kepada Non Muslim


Kaunter Penerangan & Pameran Islam •

## Unit Hal Ehwal Islam Hospital

- Menjaga kebajikan orang Islam dari sudut rohani dan jasmani selaras dengan apa yang disyariatkan oleh Islam.

Sasaran kerja yang telah dilaksanakan :

- Ziarah pesakit di wad
- Pendidikan dan bimbingan keagamaan kepada para pesakit
- Sambutan hari kebesaran Islam
- Program Pembangunan Insan
- Program Agihan Hamper
- Pelancaran SAHABAT Hospital Peringkat Negeri Selangor
- Penerbitan Maklumat Keagamaan
- Hospital Mesra Ibadah


• Program Agihan Hamper

## Unit Ar-riqab

- Memantau dan membantu rumah-rumah kebajikan yang terdapat di Selangor.
- Memantau pelaksanaan modul bagi aktiviti-aktiviti rumah kebajikan dan rawatan persendirian.
- Menyelaras peruntukan kewangan tahunan zakat asnaf ar-riqab kepada pesait-pesakit kronik rumah kebajikan.

## Menjaga Kebajikan Saudara Baru

Akidah merupakan perkara pokok yang penting dalam memastikan saudara baru ini terus istiqomah di dalam agama Islam yang suci ini. Dengan kesedaran itu MAIS telah berusaha menyediakan pelbagai bentuk aktiviti serta program mahupun bantuan kebajikan yang menjurus ke arah memantapkan lagi akidah mereka. Sehubungan dengan itu juga sejumlah 52 orang pegawai telah di tempatkan di setiap daerah di Selangor dan berharap dapat menjaga segala kebajikan mereka. Menjaga kebajikan merupakan salah satu usaha dakwah yang disediakan oleh MAIS dan melalui Bahagian Pembangunan Insan telah menyediakan pelbagai jenis bantuan khusus bagi membantu dan meringankan saudara baru terutama mereka yang baru memeluk agama Islam. Antara bantuan-bantuan kebajikan yang ada adalah pelajaran, perniagaan, membina rumah, sewa rumah, berkhatan, perkahwinan, bantuan bulanan, gharimin, sagu hati pengislaman serta bantuan bagi mualaf yang mempunyai masalah kediaman. Bagi mengatasi masalah ini juga MAIS telah menyediakan 4 rumah perlindungan iaitu di Shah Alam, Gombak Barat, Klang dan Kuala Selangor .

**Pengukuhan Program Dan Aktiviti di Peringkat Daerah**

Selaras dengan usaha dan keprihatinan untuk mengembangkan syiar Islam serta menjaga kebajikan golongan mualaf di Selangor, setiap Pejabat Agama Islam Daerah telah berusaha merancang aktiviti dan program dalam meningkatkan kefahaman Islam kepada golongan mualaf. Setiap daerah telah menjalankan kelas fardu ain terbuka kepada saudara baru kita yang berminat tanpa mengira umur dan latar belakang. Kelas tersebut diadakan antara 1 hingga 3 kali seminggu. Kebiasaanya diadakan pada waktu petang dan malam. Di samping itu juga diadakan forum, program ramah mesra masyarakat serta bengkel-bengkel kekeluargaan sasarannya kepada masyarakat sekitar serta pasangan-pasangan mualaf di daerah masing-masing. Dengan tujuan program ini dapat membentuk sebuah keluarga bahagia berlandaskan syariat Islam seperti yang dikehendaki.

**Meningkatkan Taraf Pendidikan**

Dalam meningkat taraf pendidikan saudara baru, MAIS telah berusaha mengatur tempat-tempat pengajian lanjutan kepada yang berminat untuk melanjutkan pelajaran mereka ke peringkat yang lebih tinggi sama ada di peringkat sijil, mahupun diploma iaitu di Institusi Dakwah PERKIM, Institut Latihan Dakwah Islam Malaysia serta universiti-universiti tempatan yang difikirkan sesuai. Langkah ini diambil bagi memastikan saudara kita tidak ketinggalan di dalam bidang pendidikan sekali gus memastikan masa depan mereka terjamin di samping mendapat pekerjaan yang terbaik. Di samping itu kursus-kursus insentif berkaitan pemahaman akidah, ibadah, mahupun muamalat seharian juga ditekankan. Dalam erti kata lain meningkatkan taraf pendidikan bagi golongan saudara baru merupakan agenda tahunan yang perlu ada di dalam diari MAIS.




**Jawatankuasa Penyelarasan Pengurusan Dakwah**

Dalam memastikan program dakwah yang lebih efektif dan komprehensif dari aspek perancangan dan pelaksanaan program satu mekanisma pengurusan dakwah telah diwujudkan. Beberapa jawatankuasa telah dibentuk bagi menyelaraskan pengurusan dakwah di Selangor. Antaranya Mesyuarat Permuafakatan NGO Islam yang melibatkan 27 NGO Islam manakala Mesyuarat Pemuafakatan Dakwah yang terdiri daripada agensi dakwah seperti MAIS, JAIS, Pejabat Agama Islam Daerah, Institut Latihan Dakwah Selangor, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor, Jabatan Mufti, serta unit-unit berkaitan. Mesyuarat Jawatankuasa Dakwah Negeri yang dilaksanakan dengan kekerapan 4 kali setahun melibatkan badan dakwah daerah iaitu 9 daerah di Selangor, NGO Islam, agensi kerajaan seperti Jabatan Hal Ehwal Orang Asli dan sebagainya. Berdasarkan moto "tiada hari tanpa dakwah" setiap program dan aktiviti yang telah dijalankan dinilai dan dikaji semula bagi penambahbaikkan. Unit dakwah Global BPI MAIS bersama bahagian Pengurusan Dakwah JAIS dan juga NGO-BGO Islam sentiasa mengadakan perbincangan dan kerjasama secara berterusan demi memastikan aktiviti dakwah berjalan baik di Selangor sehingga ke peringkat global.

**Dakwah Kepada Bukan Islam Di Selangor**

Pelbagai cara dan usaha mengembang dan memperbaiki dakwah kepada masyarakat bukan Islam di Selangor telah dirancang. Baik dari segi komunikasi, gerak kerja mahupun pembentukkan program-program yang berkesan supaya dapat mencapai keperluan kumpulan sasar. Justeru itu MAIS melalui Bahagian Pembangunan Insan bersama Bahagian Pengurusan Dakwah JAIS telah mewujudkan satu pelan induk *(blueprint)* sebagai panduan berkaitan program dakwah di Selangor. Pelan induk ini disusun bagi menyusun aktiviti dakwah termasuk dakwah kepada bukan Islam amnya. Antara aktiviti yang telah dilaksanakan adalah seperti ziarah ukhuwah, khidmat sosial, program penerangan Islam, kaunter dan pameran Islam, ramah mesra bersama pemimpin bukan Islam, dialog antara agama, mencetak, menerbit dan mengedar terjemahan Al-Quran dalam versi Inggeris ke hotel-hotel di seluruh Malaysia. Penglibatan daripada NGO-NGO Islam dalam menyelaraskan segala aktiviti yang diadakan amat menggalakkan. Berikut antara ringkasan aktiviti yang telah dilaksanakan bagi mencapai keperluan kumpulan sasar.





i) **Program Ziarah Ukhwah**

**Strategi pelaksanaan :**

- Membuat lawatan ke Badan Bukan Berkanun (NGO) dan individu tertentu yang boleh menyumbang kepada perkembangan dakwah terhadap non muslim.
- Menyelesaikan kegiatan dakwah non muslim bersama badan-badan dakwah Islam negeri.
- Mengadakan perbincangan mengenai aktiviti dakwah yang akan dilaksanakan oleh NGO kepada non muslim Negeri Selangor.

**Pencapaian**

Telah dilaksanakan sebanyak 3 kali

- Madrasah India Muslim Malaysia Cawangan Selangor, Meru Klang 18 Januari 2008
- Islamic ABIM Outreach di Masjid Negara 21 April 2008
- Jemaah Islah Malaysia

ii) **Kaunter Penerangan Dan Pameran Islam**

**Startegi pelaksanaan**

- Bertempat di pusat-pusat membeli belah dan pusat pengajian tinggi
- Petugas dikalangan pendakwah yang dilatih melalui Kursus Perkaderan Mualaf dan Bengkel Dakwah Profesional.
- Objektif pelaksanaan adalah untuk memberi gambaran yang jelas kepada non muslim berkaitan Agama Islam secara hikmah dan meningkatkan kefahaman Islam atau salah faham terhadap Islam kepada non muslim.

**Pencapaian**

Telah dilaksanakan seabanyak 5 kali

- Ramah Mesra Bersama Masyarakat Orang Asli di Perkampungan Orang Asli Sungai Judah, Pulau Carey 16 Februari 2008.
- Perkampungan Dai'e di Universiti Malaya pada 23 & 24 Februari 2008
- Jaya Jusco Bukit Raja, Klang
- Kompleks PKNS, Shah Alam
- Jaya Jusco Bukit Tinggi, Klang

iii) **Bengkel Dinamika Dakwah**

**Strategi Pelaksanaan**

Bekerjasama dengan Institut Latihan Dakwah Islam Selangor (ILDAS), Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS), Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS), NGO-NGO Islam.

- Peserta terdiri daripada Kursus Perkadean Dakwah Mualaf.

**Pencapaian**

- Bengkel Penyelarasan Aktiviti Dakwah NGO
- Bengkel Strategi Dakwah (Borneo)
- Bengkel *Training of Trainer* NGO Islam
- Bengkel Penulisan Jurnal Dakwah



## PENGURUSAN TABUNG AMANAH ANAK YATIM NEGERI SELANGOR

Pemberian sagu hati kepada anak yatim adalah tanggungjawab sosial kepada semua agensi sama ada kerajaan, swasta atau NGO dan bukan semata-mata satu kewajipan kepada MAIS sahaja justeru itu dengan penjelasan dari Jabatan Mufti Selangor melalui surat bertarikh 2 April 2007 ini maka jelaslah tanggungjawab ini telah diperluaskan kepada pihak-pihak lain seperti organisasi, swasta dan individu-individu yang prihatin kepada nasib anak yatim.

Justeru itu, satu cara yang sesuai untuk tanggungjawab ini adalah dengan mewujudkan satu tabung khas di bawah kawal selia Majlis Agama Islam Selangor bagi tujuan pemberian sumbangan anak yatim dalam memastikan wang yang disumbangkan sampai pada kelompok sasaran. Pengwujudan tabung ini juga merupakan salah satu cara serta peluang yang diberikan kepada orang ramai, syarikat-syarikat swasta dan organisasi lain untuk memberikan sumbangan kepada anak yatim melalui organisasi yang lebih diyakini dan diberi kuasa untuk melaksanakannya.







Laporan

# AKTIVITI

2008

## Januari '08

### 18 JANUARI
Satu ziarah ukhuwah ke Majlis Madrasah India Muslim Malaysia (MIM) di Kapar anjuran Unit Dakwah Global, Bahagian Pembangunan Insan MAIS.

### 22 JANUARI 2008
Satu perhimpunan pegawai dan kakitangan MAIS bersama YAD Dato' Setia Haji Mohamad Adzib bin Mohd Isa, Pengerusi MAIS telah diadakan.

## Februari '08

### 13 FEBRUARI 2008
Satu taklimat berkaitan penawaran jawatan tetap kepada kakitangan MAIS telah diadakan di Dewan Seminar, Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Shah Alam.

### 16 – 17 FEBRUARI 2008
Bahagian Pembangunan Insan MAIS telah mengadakan program ramah mesra dan sukaneka di Kampung Orang Asli Sungai Judah, Pulau Carey bertujuan mengeratkan hubungan di antara kakitangan MAIS dan saudara baru di Pulau tersebut.

## Mac '08

### 11 MAC 2008
Pegawai dan kakitangan yang telah menerima penawaran jawatan tetap Majlis telah menandatangani satu surat akujanji dalam satu majlis yang diadakan.

### 19 MAC 2008
Bahagian Pembangunan Insan MAIS telah dinobatkan sebagai Bahagian Terbaik bagi bulan Februari sempena Bulan Kualiti MAIS 2008.

### 20 MAC 2008
Bertempat di Stadium Malawati, telah diadakan satu sambutan sempena memperingati kelahiran junjungan besar Nabi Muhammad SAW.

### 24 MAC 2008
Unit Dakwah Hospital, BPI MAIS dengan kerjasama SAHABAT Hospital telah menganjurkan satu aktiviti agihan bubur lambuk sempena sambutan Maulidur Rasul 1429H.

### 25 MAC 2008
Satu sesi taklimat dan penerangan Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003 telah diadakan pada 25 Mac 2008 bertempat di Bangunan Pentadbiran MAIS kepada ADUN-ADUN Islam Selangor.



# April '08

### 4 APRIL

Unit Perhubungan Awam MAIS bersama dengan Bahagian Mal iaitu, pengurusan wakaf dan wasiat telah menyertai pameran Sempena Hari Bertemu Pelanggan JAWHAR (Jabatan Wakaf Zakat Dan Haji) yang diadakan di Auditorium EA, Kompleks Kerajaan Parcel E.



Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) melalui Unit Sumber Manusia telah menganjurkan Kursus Penyeliaan Berkualiti Pegawai MAIS bertempat di ILIM, Bangi selama 3 hari 2 malam.

### 9 APRIL

Pusat Perlindungan Wanita Baitul Ehsan telah menganjurkan Program Kembara Lasak Pelatih.

### 21 APRIL

Unit Dakwah Hospital, Bahagian Pembangunan Insan (BPI) MAIS telah menganjurkan lawatan singkat ke Yayasan Al-Jenderami, Sepang.

Shah Alam - Majlis Penyampaian Hadiah Anugerah Kualiti Bahagian Terbaik Bulan Mac 2008 telah diadakan di Bilik Kuliah Bahagian Perundangan Keluarga, Menara Selatan Bangunan Sultan Idris Shah tepat pada pukul 8.00 pagi, Bahagian yang memenangi ialah Bahagian Mal.

### 28 APRIL

Pengerusi MAIS, YAD Dato' Setia Haji Mohamad Adzib bin Mohd Isa telah sudi meluangkan masa bagi memeriahkan perasmian Sekolah Rendah Integrasi, Batu Belah Klang.

## Mei '08

MAIS mengadakan sambutan Bulan Kualiti pada bulan Mei 2008. Sempena sambutan Bulan Kualiti ini, satu Majlis Pelancaran Bulan Kualiti MAIS 2008 telah diadakan di Dewan Seminar, Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah pada pukul 3.00 petang.

### 7 MEI

MAIS telah menganjurkan Seminar Kualiti Matlamat Kami sempena sambutan Bulan Kualiti 2008 bertempat di Dewan Annex, SUK.

### 8 MEI

MAIS telah mengadakan lawatan ke Jabatan Arkib Negara sempena Bulan Kualiti 2008.

### 13 MEI

Satu taklimat berkaitan bomba dan penyelamat telah diadakan sempena sambutan Bulan Kualiti MAIS 2008.

### 21 MEI

Bertempat di Istana Bukit Kayangan, Shah Alam telah diadakan Majlis Pengurniaan Watikah Perlantikan Ahli MAIS bagi menggantikan ahli MAIS yang telah meletakkan jawatan.







### 21 – 23 MEI
MAIS telah menganjurkan Hari Bertemu Pelanggan sempena Bulan Kualiti 2008, bertempat di Lobi Menara Utara, Bangunan Sultan Idris Shah.

### 27 MEI
Unit Hal Ehwal Islam Hospital Tengku Ampuan Rahimah telah menganjurkan Majlis Sumbangan Hamper kepada pesakit.

Bertempat di Delta Inn, Wisma MAIS, Seksyen 3 telah diadakan Bengkel Pindaan Dokumen MS ISO kali ke dua di mana Seksyen Kualiti, Unit Pentadbiran MAIS bertindak sebagai urusetia.

## Julai '08

### 10 JULAI 2008
Pusat Perlindungan Wanita Baitul Ehsan MAIS telah menerima kunjungan lawatan dari Pejabat Setiausaha Kerajaan Terengganu.

### 22 JULAI 2008
MAIS melalui Unit Dakwah Ar-Riqab Bahagian Pembangunan Insan telah menganjurkan Program Ziarah Ukhwah ke Raudhatus Sakinah, Pusat Bimbingan Remaja Puteri bertempat di Kampung Kubu Gajah.

### 26 JULAI 2008
Unit Dakwah Hospital, Bahagian Pembangunan Insan MAIS telah menganjurkan Majlis Pelancaran SAHABAT (Persatuan Sukarelawan Islam Hospital Selangor) bertempat di INTEKMA Resort & Convention Centre UITM.

### 29 JULAI 2008
Bagi memertabatkan bulan Rejab sebagai bulan Wakaf, pelbagai aktiviti dirancang sepanjang bulan antaranya ialah menganjurkan Wacana Ilmu berkaitan Wakaf dan Wasiat yang diadakan di Masjid As-Syariff Meru.

## Ogos '08

### 3 OGOS 2008
Seramai 14 peserta saudara baru telah memperdengarkan bacaan ayat Al-Quran pada Majlis Tilawah Al-Quran Saudara Kita Peringkat Negeri Selangor bagi tahun 2008M/1429H yang dianjurkan oleh Bahagian Pembangunan Insan MAIS, bertempat di Auditorium Kompleks Taman Kesenian Islam Seksyen 10.



## 16 OGOS 2008

Bagi menjalankan usaha-usaha dakwah para Da'ie NGO Islam, MAIS melalui Unit Dakwah Global dengan kerjasama JAIS dan LZS MAIS telah menganjurkan Kursus Training of Trainer Da'ie NGO Islam bertempat di Hotel Quality.



## 21 OGOS 2008

Seramai 25 orang dari Pusat Pimpinan Masjid Indonesia telah melawat Majlis Agama Islam Selangor (MAIS).

## 22 OGOS 2008

Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) telah dianugerahkan persijilan MS ISO 9001: 2000 bagi Sistem Pengurusan Kualiti yang mengesahkan standard kualitinya menepati taraf Antarabangsa di Hotel Sunway Resort.

## 29 OGOS 2008

Bagi menaiktaraf sosial dan ekonomi umat Islam di Selangor, Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) telah menganjurkan Majlis Malam Amal Wakaf 2008 bertempat di Wisma PKPS.

# September '08

## 6 SEPTEMBER 2008

Majlis Berbuka Puasa DYMM Sultan Selangor bersama rakyat bertempat di Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Shah Alam, golongan fakir miskin, saudara baru dan anak yatim turut diraikan.



# Oktober '08

## 16 OKTOBER 2008

Pusat Pemurnian Akidah (Baitul Iman) turut tidak ketinggalan menganjurkan Majlis rumah terbuka bagi meraikan sambutan Aidilfitri kepada keluarga pelatih-pelatih yang berada di Baitul Iman disamping meraikan kakitangan MAIS.

Shah Alam - Seramai 55 orang pesakit buah pinggang yang menjalani rawatan dialisis di Pusat Dialisis MAIS, Seksyen 3, Shah Alam dirai MAIS dalam Majlis Penyampaian Hamper dan Wang Tunai Sempena Sambutan Aidilfitri 1429H yang bakal menjelang tiba. Sumbangan disampaikan oleh YAD Dato' Setia Haji Mohamad Adzib bin Mohd Isa, Pengerusi MAIS.





## 19 OKTOBER 2008

Bertempat di Balai Tengah, Istana Alam Shah Klang, telah diadakan Majlis mengadap DYMM Sultan Selangor oleh bakal-bakal Haji 1429H/2008.





## 24 OKTOBER 2008

Sempena Syawal yang mulia ini, Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) bersama Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS), Lembaga Zakat Selangor (LZS), Jabatan Mufti Selangor, Kumpulan MAIS Corporations dan Kolej Universiti Antarabangsa Selangor (KUIS) telah menganjurkan Majlis Rumah Terbuka Aidilfitri bagi meraikan kakitangannya dan orang awam.

# November '08

## 1 NOVEMBER 2008

Dalam usaha memperkenalkan Islam dengan lebih dekat lagi, terutama kepada golongan non muslim, Unit Dakwah Global, Bahagian Pembangunan Insan MAIS dengan kerjasama Unit Wakaf dan Wasiat, Bahagian Mal MAIS telah menganjurkan Pameran Islam dan Kaunter Penerangan (NGO Islam) yang diadakan di Jaya Jusco, Bukit Raja Klang.







## 8 NOVEMBER 2008

Majlis persandingan 20 pasangan pengantin mualaf yang diadakan di Dewan Aimpoint, Bandar Sungai Emas, berlangsung dalam suasana cukup meriah. Majlis yang diberi nama "Majlis Semurni Kasih" itu dianjurkan oleh Unit Pembangunan Insan Pejabat Agama Islam Daerah (PAID) Kuala Langat dengan kerjasama Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan Jabatan Hal Ehwal Orang Asli Daerah Kuala Langat (JHEOA).



## 22 NOVEMBER 2008

Dalam mempromosikan Saham Wakaf Selangor, MAIS melalui Unit Wakaf dan Wasiat, Bahagian Mal telah membuka kaunter kepada orang ramai di Seminar Tokoh Ulama' Negeri Selangor 2008/1429H yang lalu, bertempat di Pusat Konvensyen Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS).

## 27 NOVEMBER 2008

Seramai 12 Ahli Mesyuarat MAIS sesi 2006 - 2008 telah diraikan selepas tamat Mesyuarat MAIS Bil 4/2008 yang merupakan mesyuarat terakhir bagi ahli-ahli MAIS pada sesi ini bertempat di Bilik Gerakan MTES, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor yang lalu. Sebagai penghargaan di atas segala sumbangan tenaga dan buah fikiran sepanjang tempoh lantikan sebagai ahli MAIS dan juga sebagai tanda kenang-kenangan, kesemua ahli MAIS dihadiahkan cenderahati yang disampaikan oleh Y.A.D Dato' Setia Haji Mohamad Adzib bin Mohd Isa, Pengerusi MAIS manakala cenderahati kepada Pengerusi MAIS disampaikan oleh YBhg. Dato' Haji Mohammed Khusrin bin Haji Munawi, Setiausaha MAIS.

# Disember '08

## 2 DISEMBER 2008

Seramai 50 orang peserta penghuni rumah kebajikan di kalangan bekas penagih dadah telah mengikuti Seminar Mencari Redha Ilahi , yang telah diadakan di Hotel De Palma Inn yang lalu, anjuran Unit Dakwah Ar-Riqab, Bahagian Pembangunan Insan MAIS.




## 16 DISEMBER 2008

Seramai 21 kakitangan dari Majlis Ugama Islam Pahang (MUIP) telah mengadakan lawatan kerja ke Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) yang lalu, bertempat di ibu pejabat MAIS di Bangunan Sultan Idris Shah.







## 21 DISEMBER 2008

Seramai 45 pelajar mualaf telah menerima sijil dan wang saguhati sebagai tanda penghargaan atas keputusan cemerlang yang diperolehi di dalam peperiksaan dalam Majlis Kecemerlangan Pelajar Saudara Kita Peringkat Negeri Selangor 2008, bertempat di Kompleks Taman Seni Islam yang lalu, anjuran Bahagian Pembangunan Insan MAIS.



# STATISTIK

# Statistik

## LAPORAN PENGISLAMAN, AKTIVITI, KEBAJIKAN DAN PENDIDIKAN TAHUN 2008

| BIL | DAERAH | JUMLAH PENGISLAMAN |
|---|---|---|
| 1 | Ibu Pejabat BPI-MAIS, Shah Alam | 268 orang |
| 2 | Sabak Bernam | 18 orang |
| 3 | Kuala Selangor | 15 orang |
| 4 | Klang | 150 orang |
| 5 | Kuala Langat | 48 orang |
| 6 | Sepang | 48 orang |
| 7 | Hulu Langat | 124 orang |
| 8 | Petaling | 96 orang |
| 9 | Gombak | 131 orang |
| 10 | Hulu Selangor | 51 orang |
| 11 | Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (PERKIM) | 503 orang |
| 12 | Islamic Outreach ABIM | 20 orang |
| | **JUMLAH KESELURUHAN (TAHUN 2008)** | **1472 orang** |



## RINGKASAN KUTIPAN SAHAM WAKAF SELANGOR BAGI TAHUN 2008 (SEHINGGA DISEMBER 2008)

| BIL | PERKARA | JUMLAH (RM) |
|---|---|---|
| 1 | KUTIPAN DAERAH | 495,871.80 |
| 2 | KUTIPAN EJEN | 474,459.00 |
| 3 | KUTIPAN WAKAF KHAS | 266,865.00 |
| | **JUMLAH** | **1,237,195.80** |






## KUTIPAN SKIM SAHAM WAKAF SELANGOR BAGI TAHUN 2001 - 2008 (SEHINGGA 31 DISEMBER 2008)

| Bil | Perkara | TAHUN 2001<br>RM | TAHUN 2002<br>RM | TAHUN 2003<br>RM | TAHUN 2004<br>RM |
|---|---|---|---|---|---|
| | **Wakaf Am(MAIS)** | b/b | 139547.49 | 697,595.49 | 5,109,191.38 |
| 1 | Baitulmal | 139,547.49 | 244,825.00 | 94,885.78 | 76,165.00 |
| 2 | Daerah Petaling Jaya | - | 16,230.00 | 1,980.00 | 160.00 |
| 3 | Daerah Klang | - | 84,370.00 | 62,513.11 | 18,830.00 |
| 4 | Daerah Kuala Selangor | - | 35,390.00 | 12,463.00 | 4,740.00 |
| 5 | Daerah Kuala Langat | - | 70,255.00 | 20,570.00 | 8,510.00 |
| 6 | Daerah Hulu Langat | - | 40,070.00 | 8,880.00 | 7,500.00 |
| 7 | Daerah Sabak Bernam | - | 13,610.00 | 14,540.00 | 6,850.00 |
| 8 | Daerah Hulu Selangor | - | 8,670.00 | 5,560.00 | 2,970.00 |
| 9 | Daerah Sepang | - | 33,120.00 | 29,310.00 | 790.00 |
| 10 | Daerah Gombak | - | 11,508.00 | 3,970.00 | 13,500.00 |
| 11 | Pelbagai Terimaan | - | - | - | - |
| | | 139,547.49 | 558,048.00 | 254,671.89 | 140,015.00 |
| | **Agen Kutipan :** | | | | |
| 12 | LZS | - | - | 5,340.00 | 72,040.00 |
| 13 | Agen Kutipan & Penerangan | - | - | - | 12,420.00 |
| | | 0.00 | 0.00 | 5,340.00 | 84,460.00 |
| | **MAIS & Agen** | 139,547.49 | 558,048.00 | 260,011.89 | 224,475.00 |
| | **Wakaf Khas** | | | | |
| 14 | Masjid Sultan Abd Aziz | | | 151,584.00 | 82,820.00 |
| 15 | Masjid Tmn Bandaran | | | 4,000,000.00 | 4,000,000.00 |
| 16 | Masjid Kunci Air Buang | | | | 350,000.00 |
| 17 | SRA Pulau Indah | | | | |
| 18 | ABIEDAMI | - | - | - | |
| 19 | KAFA Integrasi | - | - | - | - |
| 20 | Surau At-Taufiqiyyah | - | - | - | - |
| 21 | SMK TTDI Jaya | | | | |
| 22 | Rumah Amal Limpahan Kasih | | | | |
| 23 | Surau Al-Muhajirin | | | | |
| | **JUMLAH WAKAF KHAS** | **0.00** | **0.00** | **4,151,584.00** | **4,432,820.00** |
| | **KUTIPAN TAHUNAN** | **139,547.49** | **558,048.00** | **4,411,595.89** | **4,657,295.00** |
| | **JUMLAH KESELURUHAN** | | **697,595.49** | **5,109,191.38** | **9,766,486.38** |

**** Kesemua jumlah yang diambil kira adalah sebelum pelarasan dibuat.***

| TAHUN 2005 RM | TAHUN 2006 RM | TAHUN 2007 RM | TAHUN 2008 RM | JUMLAH RM |
|---|---|---|---|---|
| 9,766,486.38 | 12,154,949.38 | 13,371,577.33 | **14,318,921.73** | |
| 115,546.00 | 126,111.95 | 220,671.00 | **167,186.80** | **1,184,939.02** |
| - | 8,460.00 | 41,406.00 | **10,140.00** | **78,376.00** |
| 3,620.00 | 14,055.00 | 41,623.00 | **28,027.00** | **253,038.11** |
| 1,680.00 | 2,820.00 | 16,445.40 | **27,721.00** | **101,259.40** |
| 5,892.00 | 14,610.00 | 45,318.00 | **46,930.00** | **212,085.00** |
| 82,880.00 | 19,260.00 | 18,774.00 | **62,320.00** | **239,684.00** |
| 160.00 | 12,640.00 | 21,930.00 | **22,871.00** | **92,601.00** |
| 59,140.00 | 57,425.00 | 38,745.00 | **54,400.00** | **226,910.00** |
| 850.00 | 22,940.00 | 32,875.00 | **47,391.00** | **167,276.00** |
| 6,470.00 | 28,346.00 | 23,835.00 | **28,885.00** | **116,514.00** |
| - | - | 0.00 | | **0.00** |
| 276,238.00 | 306,667.95 | 501,622.40 | **495,871.80** | **2,672,682.53** |
| 95,725.00 | 147,920.00 | 402,860.00 | **442,330.00** | **1,166,215.00** |
| 3,010.00 | 730.00 | 28,060.00 | **32,129.00** | **76,349.00** |
| 98,735.00 | 148,650.00 | 430,920.00 | **474,459.00** | **1,242,564.00** |
| 374,973.00 | 455,317.95 | 932,542.40 | **970,330.80** | **3,915,246.53** |
| 12,880.00 | 760,960.00 | 2,000.00 | **-** | **1,010,244.00** |
| | | | **-** | **8,000,000.00** |
| | | | **-** | **350,000.00** |
| 2,000,000.00 | | | **-** | **2,000,000.00** |
| 610.00 | 350.00 | | **-** | **960.00** |
| - | - | 12,802.00 | **-** | **12,802.00** |
| - | - | - | **159,615.00** | **159,615.00** |
| | | | **47,350.00** | **47,350.00** |
| | | | **59,900.00** | **59,900.00** |
| **2,013,490.00** | **761,310.00** | **14,802.00** | **266,865.00** | **11,640,871.00** |
| **2,388,463.00** | **1,216,627.95** | **947,344.40** | **1,237,195.80** | **15,556,117.53** |
| **12,154,949.38** | **13,371,577.33** | **14,318,921.73** | **15,556,117.53** | |

## KUTIPAN SKIM SAHAM WAKAF SELANGOR BAGI TAHUN 2001 - 2008 (SEHINGGA 31 MEI 2008)

| Perkara | TAHUN 2001 | TAHUN 2002 | TAHUN 2003 | TAHUN 2004 | TAHUN 2005 | TAHUN 2006 | TAHUN 2007 | TAHUN 2008 |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| Baitulmal | 139,547.49 | 244,825.00 | 94,885.78 | 76,165.00 | 115,546.00 | 126,111.95 | 220,671.00 | 49,718.20 |
| Daerah Petaling Jaya | - | 16,230.00 | 1,980.00 | 160.00 | - | 8,460.00 | 41,406.00 | 8,954.00 |
| Daerah Klang | - | 84,370.00 | 62,513.11 | 18,830.00 | 3,620.00 | 14,055.00 | 41,623.00 | 11,157.00 |
| Daerah Kuala Selangor | - | 35,390.00 | 12,463.00 | 4,740.00 | 1,680.00 | 2,820.00 | 16,445.40 | 9,331.00 |
| Daerah Kuala Langat | - | 70,255.00 | 20,570.00 | 8,510.00 | 5,892.00 | 14,610.00 | 45,318.00 | 18,880.00 |
| Daerah Hulu Langat | - | 40,070.00 | 8,880.00 | 7,500.00 | 82,880.00 | 19,260.00 | 18,774.00 | 8,025.00 |
| Daerah Sabak Bernam | - | 13,610.00 | 14,540.00 | 6,850.00 | 160.00 | 12,640.00 | 21,930.00 | 4,030.00 |
| Daerah Hulu Selangor | - | 8,670.00 | 5,560.00 | 2,970.00 | 59,140.00 | 57,425.00 | 38,745.00 | 17,565.00 |
| Daerah Sepang | - | 33,120.00 | 29,310.00 | 790.00 | 850.00 | 22,940.00 | 32,875.00 | 14,101.00 |
| Daerah Gombak | - | 11,508.00 | 3,970.00 | 13,500.00 | 6,470.00 | 28,346.00 | 23,835.00 | 14,675.00 |
| | **139,547.49** | **558,048.00** | **254,671.89** | **140,015.00** | **276,238.00** | **306,667.95** | **501,622.40** | **156,436.20** |

### BAITULMAL



## DAERAH PETALING JAYA




## DAERAH KLANG




## DAERAH KUALA SELANGOR



## DAERAH KUALA LANGAT




## DAERAH HULU LANGAT




## DAERAH SABAK BERNAM



## DAERAH HULU SELANGOR




## DAERAH SEPANG




## DAERAH GOMBAK



## KUTIPAN SAHAM WAKAF SELANGOR 2001 - 2008




## STATISTIK KEMASUKAN PELATIH MENGIKUT KATEGORI BAGI TAHUN 2008
## PUSAT PERLINDUNGAN WANITA BAITUL EHSAN MAJLIS AGAMA ISLAM SELANGOR

| BIL | KATEGORI KEMASUKAN PELATIH | |
|---|---|---|
| 1 | PERINTAH MAHKAMAH | 12 |
| 2 | SUKARELA | 69 |
| 3 | PERLINDUNGAN | 5 |
| | **JUMLAH** | **86** |

## STATISTIK KEMASUKAN PELATIH MENGIKUT KATEGORI BAGI TAHUN 2008



## STATISTIK KEMASUKAN PELATIH MENGIKUT DAERAH BAGI TAHUN 2008

| BIL | DAERAH KEMASUKAN PELATIH | |
|---|---|---|
| 1 | KUALA SELANGOR | 5 |
| 2 | SHAH ALAM | 28 |
| 3 | SABAK BERNAM | 16 |
| 4 | GOMBAK BARAT | 5 |
| 5 | HULU LANGAT | 2 |
| 6 | KLANG | 16 |
| 7 | KUALA LANGAT | 4 |
| 8 | GOMBAK TIMUR | 1 |
| 9 | SEPANG | 3 |
| 10 | P.JAYA | 5 |
| 11 | HULU SELANGOR | 1 |
| | **JUMLAH** | **86** |

## STATISTIK KEMASUKAN PELATIH MENGIKUT DAERAH BAGI TAHUN 2008



## JUMLAH KEMASUKAN PELATIH PUSAT PEMURNIAN AKIDAH BAITUL IMAN MENGIKUT BULAN BAGI TAHUN 2008 (MENGIKUT BULAN)

| BULAN | PELATIH LELAKI | PELATIH WANITA |
|---|---|---|
| JANUARI | 2 | 3 |
| FEBRUARI | - | 2 |
| MAC | - | - |
| APRIL | - | - |
| MEI | - | - |
| JUN | - | 2 |
| JULAI | - | 4 |
| OGOS | 6 | 1 |
| SEPTEMBER | 5 | 3 |
| OKTOBER | - | 1 |
| NOVEMBER | 2 | - |
| DISEMBER | 2 | 2 |
| | **17** | **18** |
| **JUMLAH KESELURUHAN** | **35** | |

**JUMLAH KEMASUKAN PELATIH PUSAT PEMURNIAN AKIDAH BAITUL IMAN**



Keratan
# AKHBAR
&
Senarai
# KAUNTER

# KERATAN Akhbar

Sinar - 15/5/08

## Dakwah kepada masyarakat Orang Asli

**Program ini diadakan bertujuan untuk memberi pendedahan kepada masyarakat Orang Asli mengenai cara hidup yang perlu diikuti oleh orang Islam.**

NURAINN AZHAR

**HULU LANGAT** - Unit Pembangunan Insan Hulu Langat, Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) telah menganjurkan program ramah-mesra kepada Orang Asli bagi menyebarkan dakwah Islam secara terbuka kepada mereka, semalam.

Tujuan utama program ramah-mesra diadakan adalah untuk menyebarkan dakwah Islam kepada masyarakat Orang Asli di sini.

Program-program yang dirancang oleh pihak berwajib dapat memberi peluang kepada Orang Asli untuk mengetahui cara hidup orang Islam.

Penolong Pegawai Dakwah Unit Pembangunan Insan Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) daerah Hulu Langat, Mohd Azlan Ishak berkata pendedahan ini disampaikan dalam bentuk 'dakwah bilhal' di mana mereka dapat mengenal Islam secara praktikal dalam mencari keredaan Allah untuk beribadah.

"Melalui program ramah-mesra ini, satu majlis pernikahan enam pasangan mualaf baru, majlis pertunangan anak tok batin dan majlis pengislaman seorang warga Orang Asli telah diadakan pada hari yang sama dan Orang Asli dapat melihat sendiri bagaimana adat istiadat orang Islam," katanya ketika ditemui di majlis itu semalam.

Katanya, pasangan pengantin telah dinikahkan oleh Pegawai Tadbir Agama Pejabat Agama Islam Daerah Hulu Langat di hadapan pengunjung yang menghadiri program itu.

Selain daripada mempelajari mengenai cara hidup orang Islam, mereka juga dapat mengeratkan ukhuwah sesama kaum Orang Asli yang datang dari Kampung lain. Program sebegini dapat mendekatkan lagi hubungan Orang Asli dengan masyarakat luar.



CHE ROSLI CHE MAT

Pernikahan secara beramai-ramai ini merupakan program pertama yang dianjurkan pada tahun ini hasil kerjasama Pejabat Agama Islam Daerah (PAID), Majlis Agama Islam Selangor (MAIS), Jabatan Hal Ehwal Asli (JHEOA), Sukarelawan Dakwah Daerah Hulu Langat dan Mahasiswa dari Jambi.

Ahli Parlimen Hulu Langat, Che Rosli Che Mat yang turut hadir pada majlis tersebut berkata, program-program ramah mesra begini perlu diteruskan agar ajaran Islam dapat didedahkan kepada masyarakat Orang Asli di sini.



Antara pasangan pengantin daripada masyarakat Orang Asli di sini yang dinikahkan semalam.

"Bagi membantu meningkatkan ekonomi saudara kita melalui program ini, penyediaan makan, minum dan sagu hati program ziarah berbentuk hamper turut diberi selain dapat menyelesaikan masalah mualaf iaitu daftar pengislaman dan pernikahan setelah memeluk agama Islam," katanya.

Sinar - 21/5/08

## MB dilantik Ahli Dewan Diraja Selangor

AZIE YAHAYA
NAZRUL AZWAN WAHAB

**SHAH ALAM** - Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim mengangkat sumpah sebagai Ahli Dewan Diraja Selangor dalam satu majlis yang berlangsung di Istana Bukit Kayangan di sini, semalam.

Abdul Khalid mengangkat sumpah di hadapan Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj dan menandatangani watikah pelantikan disaksikan Hakim Utama Mahkamah Tinggi Shah Alam, Datuk Syed Ahmad Helmi Syed Ahmad.

Pada majlis sama, Penasihat Undang-undang Negeri Selangor, Datuk Zauyah Be Loth Khan menerima Darjah Kebesaran Datuk Paduka Mahkota Selangor (DPMS) dengan membawa gelaran Datin Paduka.

Zauyah tidak dapat hadir pada istiadat pengurniaan darjah kebesaran sempena ulang tahun keputeraan ke-62 Sultan Selangor pada 11 Disember lalu kerana mengerjakan ibadah haji.

Sultan Sharafuddin turut berkenan menyampaikan watikah pelantikan Timbalan Pengerusi Majlis Agama Islam Selangor (Mais) kepada Pengerusi Jawatankuasa Tetap Hal Ehwal Islam, Adat-adat Melayu, Infrastruktur dan Kemudahan Awam, Datuk Dr. Hasan Mohamed Ali menggantikan Datuk Abdul Rahman Palil.

Turut menerima watikah pelantikan ialah sepuluh Hakim Mahkamah Rendah Syariah Negeri Selangor, seorang Penolong Pendaftar Mahkamah Rendah Syariah, seorang Pendaftar Kanan dan enam Pendaftar Perkahwinan, Penceraian dan Rujuk Orang Islam.



Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah menyampaikan watikah perlantikan sebagai anggota Dewan Di Raja Selangor kepada Abdul Khalid di Istana Bukit Kayangan.

Sinar – 4/7/08

# REJAB
## BULAN WAKAF NEGERI SELANGOR

SUBUR, BERKAT, SELAMAT

Sertailah Saham Wakaf Selangor

Sumbangan derma ini dikecualikan daripada
cukai pendapatan di bawah Seksyen 44(6) Akta Cukai Pendapatan 1967

Untuk keterangan lanjut, sila hubungi:
MAJLIS AGAMA ISLAM SELANGOR
Tingkat 9 & 10, Menara Utara, Bangunan Sultan Idris Shah,
40000 Shah Alam, Selangor.
Telefon: 03-5514 3570 / 3752 / 3765 Faks: 03-5512 4042




(Dari kiri) Pengerusi Forum Perdana, Mohd Farid Mohamad Zainal dan dikuti oleh ahli panel Ustaz Yusri Abdul Karim dan Ustaz Ghazali Omar.

## MAIS anjur forum sempena Bulan Wakaf Selangor

**SHAH ALAM** - Sempena Bulan Wakaf Selangor, Majlis Agama Islam Selangor (MAIS), Pejabat Agama Islam Daerah Petaling dengan kerjasama Ahli Jawatankuasa (AJK) Masjid Al-Hidayah mengadakan Forum Perdana bertajuk 'Wakaf Penjana Pembangunan Syumul'.

Forum perdana tersebut yang bertemakan 'subur, berkat dan selamat' dibarisi ahli panel terkenal iaitu Ustaz Yusri Abdul Karim dan Ustaz Ghazali Omar.

Perbincangan dipengerusikan Mohd Farid Mohamad Zainal membicarakan topik wakaf yang memberikan pelbagai manfaat kepada keseluruhan umat Islam sekiranya diaplikasikan dalam kehidupan Islam.

Ahli panel pertama, Ustaz Yusri berkata, pelbagai hikmah dan kepentingan wakaf akan diperoleh sekiranya ia dilaksanakan oleh masyarakat Islam kerana ia memberikan kesejahteraan dan dapat membantu golongan memerlukan.

"Wakaf adalah satu ibadah menyerahkan harta yang kita miliki untuk kegunaan umum dan khusus dengan niat sebagai ibadah mendekatkan diri dengan Allah atau menginfakkan harta yang terdiri daripada harta wajib dan sunat untuk membantu masyarakat dalam kesusahan.

"Kepentingan wakaf ialah harta yang ada boleh ditukarkan dengan pahala yang berterusan dan ia juga bertujuan memantapkan akidah dan ekonomi Islam yang diperoleh untuk kepentingan dunia dan akhirat serta tanda kesyukuran kita kepada rezeki Allah berikan," katanya.

Tambahnya, masyarakat Islam perlu tahu bahawa harta yang diberikan merupakan amanah untuk diuruskan dengan kebaikan untuk memberikan kebahagiaan kepada mereka.

Sinar – 4/7/08

## Perkasa ekonomi melalui wakaf

NORSHAHZURA MAT ZUKI

**SHAH ALAM** - Menteri Besar, Tan Sri Datuk Abdul Khalid Ibrahim menyeru rakyat di negeri Selangor bersama-sama berusaha berganding bahu untuk memakmurkan sosial dan ekonomi umat Islam di Selangor.

Menurutnya lagi, dalam usaha memakmurkan sosial dan ekonomi umat Islam, semua rakyat perlu bersama-sama berganding bahu sama ada berbentuk wang ringgit dan usaha tenaga selaras dengan status negeri Selangor sebagai negeri yang berkebajikan dan maju.

"Sehubungan dengan itu, produk Saham Wakaf Selangor yang dilaksanakan oleh Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) merupakan peluang untuk individu dan syarikat korporat bagi memperkasakan ekonomi umat Islam," katanya.

"Pada zaman kegemilangan Islam dahulu, wakaf merupakan sumber kewangan yang penting bagi membangunkan negara dan kini sektor-sektor pendidikan, kesihatan, kebajikan dan sebagainya dibangunkan melalui sumber dana wakaf.

Beliau berkata demikian ketika menyampaikan ucapan perasmian di Majlis Makan Malam Amal Wakaf Selangor 2008, di Wisma PKPS, dekat sini.

Turut hadir Pengerusi MAIS, Datuk Setia Mohamad Adzib Mohd Isa, Pengarah Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS), Datuk Khusrin Munawi, Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor dan pemberi wakaf.

Tambahnya lagi, Saham Wakaf Selangor yang diwujudkan bertujuan memberi pendedahan kepada individu dan syarikat korporat mengenai saham wakaf itu yang berkonsepkan berwakaf secara tunai.

"Dengan adanya Saham Wakaf Selangor, peluang berwakaf boleh terbuka luas kepada golongan yang berharta malah kepada golongan pertengahan juga," katanya.

Menurutnya lagi, keadaan tersebut perlu kerana penglibatan semua peringkat sama ada tokoh-tokoh dan badan-badan korporat bersama-sama menjana kembali kekuatan sistem pengurusan wakaf demi kepentingan rakyat.

"Sejarah pendidikan Islam telah membuktikan konsep wakaf telah berjaya dan kini tiba masanya bagi kita berlapang dada meluaskan skop dan cara menyumbang kepada pembangunan wakaf ini yang tidak lagi terhad kepada 'Harta Tidak Alih' seperti tanah dan rumah sahaja.

Abdul Khalid berkata kerajaan negeri melalui Residensi Mahligai Sultan Sharafuddin Idris Shah sedia menggalakkan kakitangan kerajaan beragama Islam supaya dapat menyumbang kepada Saham Wakaf Selangor sebanyak RM2 sebulan melalui potongan gaji.

Turut diadakan dalam majlis tersebut ialah Pelancaran Tabung Dana Anak Yatim MAIS dan pelancaran Perkhidmatan Hibah MAIS.



Abdul Khalid (tengah) menyaksikan Upacara Menandatangani Perjanjian Pelantikan Agen Korporat serta Pengurusan Wasiat Orang Islam MAIS yang melibatkan Fitrah Perkasa Sdn Bhd.

Selain itu Majlis Menandatangani Perjanjian Pelantikan Agen Korporat serta Pengurusan Wasiat Orang Islam MAIS telah melibatkan Fitrah Perkasa Sdn Bhd dan Sumbangan kepada Saham Wakaf Selangor yang telah disumbangkan oleh Ketua Hakim Syarie Selangor, Datuk Zohdi Toha, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) dan Kumci Produktif Sdn Bhd.

Sumbangan Tabung Amanah Anak Yatim Negeri Selangor pula telah disumbangkan oleh Seri Wisma Arkitek dan orang perseorangan, Mohd Shapaie Mat Ali.

Sehingga bulan Jun Tabung Amanah Anak Yatim Negeri Selangor telah menerima sumbangan sebanyak RM1.xx ribu.

Saham Wakaf Selangor adalah satu kaedah melalui wang tunai dengan cara membeli unit-unit saham yang ditawarkan oleh MAIS dan mewakafkan unit-unit saham tersebut kepada MAIS untuk kebajikan umat Islam.

Sinar- 19/9/08

# MAIS terbit Perbendaharaan al-Quran

NUR FARHANA ABDUL MANAN

UCHONG - Bagi mencapai natlamat menambahkan sumer rujukan serta tambahan oleksi tafsir sedia ada kepada mat Islam khususnya di elangor, Majlis Agama Islam elangor (MAIS) menerbitkan Kitab Tafsir al-Quran yang diamakan 'Perbendaharaan al-Quran'.

Pengerusi MAIS, Datuk etia Mohamad Adzib Mohd sa berkata, projek penerbitn kitab tafsir itu adalah dengan kerjasama Jabatan Mufti elangor, Kolej Universiti slam Antarabangsa Selangor, KUIS) dan Lembaga Zakat elangor (LZS).

Katanya, ia turut menapat kerjasama pintar daripada Universiti Kebangsaan (UKM) an Universiti Darul Iman sera Yayasan Restu.

"Pada awal tahun ini, Lembaga Penyelidikan dan Penulisan Penerbitan Perbendaharaan al-Quran ditubuhkan dan seramai 18 individu dilantik bagi melaksanakan amanah ummah serta wahyu Ilahi.

"Tanpa kita sangka, MAIS melakar sejarah yang membanggakan umat Islam di Selangor kerana bersempena sambutan Nuzul Quran disambut bulan ini, kita mampu menerbitkan kitab tafsir tersendiri," jelasnya.

Menurut Adzib, projek kerjasama beberapa organisasi itu dibiayai sepenuhnya oleh LZS sebagai suatu bentuk sumbangan daripada pembayar zakat.

"MAIS juga merupakan satu-satunya majlis agama yang menerbitkan kitab tafsir ini di mana metodologinya adalah mengikut terjemahan tenas atau terjemahan Harfiah dengan tidak memasukkan tafsiran ayat.

"Antara objektifnya adalah sebagai salah satu rujukan serta tambahan koleksi tafsir sedia ada kepada ummah dan seterusnya sebagai warisan ilmu di mana hidayah serta pahalanya akan sampai sehingga generasi akan datang," katanya lagi.

Menurut Adzib, penerbitan kitab dilancarkan itu merupakan Jilid 1 yang disiapkan sepenuhnya dan menjelaskan selepas itu Jilid 2 dan 3 akan diterbitkan Lembaga Penyelidikan dan Penulisan Penerbitan Perbendaharaan al-Quran.

"Pihak kami mengharapkan dengan usaha murni serta kerjasama jabatan berkenaan secara langsung atau tidak langsung dapat melahirkan khazanah yang tidak ternilai dan dihargai serta dicontohi segenap lapisan masyarakat," jelasnya.



Sultan Sharafuddin (tiga dari kiri) ketika melancarkan Kitab Tafsir Perbendaharaan al-Quran.

Majlis pelancaran Perbendaharaan al-Quran berkenaan dilancarkan Selasa lalu oleh Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah di Masjid As-Salam, Puchong Perdana.

Pada majlis berbuka puasa yang diadakan itu, baginda turut berkenan menyampaikan bantuan wang ringgit kepada kira-kira 400 penerima fakir miskin, anak yatim, ibu tunggal serta saudara baru.

**Kawasan Liputan:** *Shah Alam, Kuala Lumpur, Petaling Jaya, Damansara, Lembah Pantai, Segambut, Subang Jaya, Gombak, Sel*

**Hubungi skuad cakna kami untuk mengaktifkan komuniti and**

Sinar- 25/9/08

# MAIS peruntukkan RM12 juta biayai dialisis



Peruntukan berjumlah RM12 juta itu memberi manfaat kepada pesakit buah pinggang.

BADRULDIN ZAKARIA

**SHAH ALAM** - Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) melalui Lembaga Zakat Selangor (LZS) telah memperuntukkan sejumlah RM12 juta pada 2007 bagi membiayai kos rawatan dialisis yang melibatkan pengagihan kepada 710 pesakit.

MAIS dalam kenyataannya berkata, selain mempunyai pusat dialisis sendiri, MAIS juga melantik pusat-pusat dialisis terpilih untuk menyediakan rawatan cucian buah pinggang kepada pesakit.

"MAIS juga sentiasa mengalu-alukan permohonan mereka yang menghidap sakit kronik dan sebarang permohonan bolehlah dibuat di mana-mana 22 kaunter LZS bagi mendapatkan borang permohonan untuk dilengkapkan dan diserahkan semula ke kaunter LZS untuk tindakan lanjut," kata kenyataan tersebut.

Sementara itu, MAIS telah mengagihkan 135 hamper dan wang tunai kepada pesakit dialisis yang mendapatkan rawatan di Pusat Dialisis MAIS Shah ALam, Jalan Kapar dan Sungai Besar.

Sebagai simbolik, Pengerusi MAIS, Datuk Mohamad Adzib Mohd Isa menyampaikan sumbangan hamper kepada 55 pesakit yang mendapatkan rawatan di Pusat Dialisis MAIS Shah Alam, semalam.

MAIS berkata, selain menanggung kos rawatan dialisis mereka, penyampaian hamper sempena sambutan Aidilfitri ini dilihat sebagai satu lagi aktiviti yang menunjukkan keprihatinan dan tanda sokongan MAIS dalam membela nasib golongan ini.

## Mais Sampaikan Hamper Kepada Pesakit Buah Pinggang

SHAH ALAM, 24 September - Seramai 55 orang pesakit buah pinggang yang menjalani rawatan dialisis di Pusat Dialisis Seksyen 3 dekat sini dirai dalam satu majlis penyampaian hamper sempena hari raya Aidilfitri tidak lama lagi.

Sumbangan hamper dan wang ringgit itu disampaikan Pengerusi Majlis Agama Islam Selangor (Mais), Dato' Setia Mohamad Adzib Mohd Isa.

Turut hadir, Pengarah Pusat Dialisis Lembaga Zakat Selangor (LZS), Sudi Ahmad.

Sebanyak 135 hamper telah diperuntukkan tahun ini untuk diagihkan kepada semua pesakit.

Turut akan menerima hamper ialah pesakit-pesakit buah pinggang yang menjalani rawatan di Pusat Dialisis Mais di Jalan Kapar dan Sungai Besar. - MURIZA ABDUL HAMID



Dato' Setia Mohamad Adzib bersalaman dengan salah seorang pesakit di Pusat Dialisis Seksyen 3 pagi tadi.

# Tiga pesanan Sultan kepada jemaah haji



Sultan Sharafuddin (tengah) berkenan menyampaikan kain ihram kepada salah seorang bakal haji yang disumbangkan oleh LZS, semalam sambil diperhatikan Abdul Khalid (kiri).

Sinar- 20/10/08

■ RUWAIDA MD ZAIN

**SHAH ALAM** - Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah semalam memberikan tiga pesanan kepada bakal jemaah haji di negeri ini dalam usaha memastikan ibadat mereka itu dirahmati Allah SWT.

Baginda bertitah perkara pertama yang perlu diingati jemaah ialah sentiasa menjaga ketinggian budi pekerti, berdisiplin, menjauhi segala perkara yang boleh mencacatkan pandangan masyarakat luar terhadap negara dan menanamkan dalam jiwa mereka bahawa pemergian ke Tanah Suci Mekah adalah semata-mata untuk beribadat dan mendapat haji yang mabrur.

"Beta juga berharap di Tanah Suci nanti semua jemaah haji tidak lupa mendoakan keharmonian rakyat dan keamanan negara dan negeri Selangor yang kita cintai," titah baginda pada Majlis Penutupan Kursus Haji Perdana 1429 Hijrah di Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah di sini.

Baginda juga menasihatkan mereka agar berbelanja dengan berhemah semasa di Tanah Suci supaya tidak membazir memandangkan kebanyakan barangan yang terdapat di Mekah boleh didapati di pasaran Malaysia.

"Maka adalah lebih baik kita berbelanja sekadar yang perlu sahaja di Tanah Suci dan selebihnya dibelanjakan di dalam negara," titah baginda.

Sultan Selangor turut mengingatkan bakal jemaah haji agar menjauhkan diri daripada terlibat dalam sebarang bentuk aktiviti yang bercanggah dengan peraturan kerajaan Arab Saudi.

"Kita semua sedia maklum bahawa bumi Arab Saudi pada setiap tahun menjadi tapak perhimpunan mega masyarakat Islam seluruh dunia. Tatkala majoritinya dengan tujuan beribadat, tidak kurang juga yang mungkin menggunakan kesempatan melakukan perkara yang menyalahi undang-undang," titah baginda.

Titahnya, jemaah haji perlu ingat objektif ke Tanah Suci adalah untuk menjalankan ibadat dan merebut peluang melipatgandakan amalan agar mendapat keredaan dan rahmat daripada Allah SWT.

Lebih 4,000 bakal haji dari Selangor menghadiri kursus perdana selama dua hari itu bertujuan meningkatkan kefahaman tentang perkara yang perlu dilakukan semasa menjalankan ibadat haji di Tanah Suci nanti.

# MAIS dekati golongan asnaf

Sinar Harian 7/11/08

■ ERNEDA FASOLA

**SABAK BERNAM** - Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) melalui Lembaga Zakat Selangor (LZS) Wilayah Utara telah menganjurkan satu program ziarah rumah asnaf fakir dan miskin di sini, semalam yang melibatkan 10 buah keluarga bermula di kariah Masjid Al Abrar Batu Dua Sapintas, Masjid Al Mujahidin Bagan Terap dan Masjid Parit 10.

Turut serta dalam ziarah tersebut Ahli Majlis yang juga Penyelia Pusat Khidmat Masyarakat Dewan Undangan Negeri (DUN) Sabak, Sallehen Mukhyi dan Penghulu Mukim Sungai Panjang, Azmuddin Lakimin.

Menurut Sallehen, program ziarah ini dapat memberi peluang mendekati golongan ini dan mengambil tahu masalah mereka secara langsung. Antara masalah yang kedengaran adalah masalah rumah, kebocoran bumbung, kerosakan dapur dan sebagainya yang perlu dibaiki.

"Kita mendapat maklumat terus daripada mereka dan tidak berdasarkan laporan sematasemata sebaliknya sama-sama dengan LZS turun padang dan melihat sendiri kepayahan mereka. Dari sini juga kita dapat melihat sama ada mereka benar-benar layak atau tidak menerima bantuan.

"Selain itu, ia dapat dijadikan satu perbandingan antara mereka yang mampu dan tidak mampu. Kerajaan negeri melalui LZS menyalurkan bantuan dan apabila sampai pada satu tahap, penerimanya mampu berdikari, bantuan tersebut akan disalurkan kepada orang lain pula," katanya.

Tambahnya, kerajaan negeri sentiasa prihatin dan bantuan kepada yang memerlukan akan disalurkan untuk mengurangkan tekanan hidup di mana keluarga semakin hari semakin membesar dan kos sara hidup juga turut meningkat.

"Diharap pemberian air 20 meter padu percuma dapat meringankan beban tersebut. Biarpun kos bertambah, tetapi setiap keluarga dapat menikmati pemberian tersebut," katanya.



Rombongan Ziarah bergambar kenangan bersama tuan rumah, Nordin Awang, 48.

Dalam pada masa yang sama, kemungkinan ada keluarga miskin yang tidak dapat menikmati pemberian elektrik percuma bawah RM20 kerana isi rumah yang ramai dan kos elektrik yang digunakan melebihi RM20.

"Penurunan bahan asas penjanaan elektrik sudah pun berlaku dan berharap kerajaan dapat memikirkan sesuatu yang dapat mengurangkan bebanan rakyat. Kerajaan boleh fikirkan bagaimana cara untuk memberikan insentif atau pelarasan daripada penggunaan elektrik," katanya.



Sebahagian yang terlibat pada Pameran Islam dan Kaunter Penerangan anjuran MAIS.

# MAIS dekatkan orang ramai dengan Islam

**KLANG** - Unit Dakwah Global, Bahagian Pembangunan Insan, Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) dengan kerjasama Unit Wakaf dan Wasiat, Bahagian Mal MAIS telah menganjurkan Pameran Islam yang diadakan di Jaya Jusco, di sini minggu lalu.

Penolong Pegawai Perhubungan Awam MAIS, Shahrul Effendi Md Saat berkata, program yang diadakan ini adalah bertujuan mendedahkan lagi kefahaman berkaitan dengan Islam terutama kepada masyarakat bukan Islam serta mengukuhkan lagi pengetahuan agama bagi pengunjung beragama Islam.

"Sambutan yang diterima amat menggalakkan dan ini merupakan satu petunjuk yang positif dalam perkembangan Islam di daerah ini," katanya kepada Sinar Harian.

Beliau berkata, selain memperkenalkan Islam dengan lebih dekat lagi kepada golongan bukan Islam, ia juga turut diselitkan dengan beberapa aktiviti antaranya kaunter pameran Islam, klinik al-Quran dan pemeriksaan kesihatan secara percuma kepada pengunjung.

"Klinik al-Quran memberi peluang kepada orang awam untuk memperdengarkan bacaan al-Quran dan akan diperbetulkan bacaannya dari segi hukum tajwid, sebutan dan cara bacaan yang betul oleh wakil dari Persatuan Institusi Tahfiz al-Quran Negeri Selangor (Pitas).

"Program ini turut disertai anggota badan bukan kerajaan (NGO) Islam antaranya Persatuan Cina Muslim Malaysia (MACMA), Persatuan Institusi Tahfiz Al-Quran Negeri Selangor (Pitas) dan Persatuan Juruteknik Perubatan Kecemasan dan Trauma Malaysia (Paramedik-EMT)," katanya.

Sementara itu, katanya, pengunjung yang menghadiri program berkenan turut berpeluang untuk mengetahui tentang perkhidmatan yang disediakan MAIS seperti zakat, saham wakaf, wasiat dan faraid.

"Malah orang awam juga berpeluang melihat dengan lebih dekat lagi tentang seni tulisan khat cina daripada Persatuan Cina Muslim Malaysia.

"Program seperti ini dilihat sebagai medium pendakwahan kepada orang awam di samping mengeratkan silaturahim antara NGO Islam dan seterusnya menjalinkan usaha sama dalam pelbagai aktiviti yang berkaitan dengan dakwah kelak," jelasnya.

# Pelajar mualaf diiktiraf MAIS

Sinar - 23/12/08

NORSHAHZURA MAT ZUKI

...AH ALAM - Pelbagai ...ndekatan digunakan ...watankuasa Mualaf Selangor ...tuk membantu meningkatkan ...cemerlangan pelajar mualaf ...ngan memberikan pelbagai ...ntuk bantuan agar mereka ...ncapai kecemerlangan da... n setiap bidang yang di... buri.

Pengerusi Jawatankuasa ...ualaf Selangor, Datuk Abu ...kar Abdul Hamid berkata, ...ajlis Agama Islam Selangor ...AIS) melalui Bahagian ...mbangunan Insan (BPI) akan ...mastikan bantuan-bantuan ...ng diberikan kepada pelajar ...ualaf akan dimanfaatkan da... n meneruskan kehidupan ...reka.

Memandangkan, peruntukkan ...anyak RM20 juta diberikan ...usus untuk membantu mua... seperti dalam bidang pen...likan dan BPI mendapat ker...ama daripada Jawatankuasa ...ualaf Selangor akan meng...nakan peruntukkan tersebut ...tuk membiayai mualaf mem...lajari Islam dengan sebaik...a.

"Bantuan pendidikan di...sanakan secara berterusan ...i disalurkan kepada pelajar ...ualaf yang tinggal di seluruh ...langor bertujuan memberi...i motivasi kepada mereka ...aya dapat meningkatkan kualiti penguasaan mereka terhadap ilmu kerana dengan adanya ilmu mereka akan mendapat kebahagiaan di dunia dan akhirat," katanya.



Abu Bakar bergambar kenangan bersama sebahagian mualaf yang telah diberikan pengiktirafan terhadap kejayaan mereka di Majlis Kecemerlangan Pelajar Saudara Kita Peringkat Negeri Selangor 2008 yang telah diadakan di Kompleks Taman Kesenian Islam, dekat sini.

Beliau berkata demikian ketika merasmikan Majlis Kecemerlangan Pelajar Saudara Kita Peringkat Negeri Selangor 2008 yang telah diadakan di Kompleks Taman Kesenian Islam, dekat sini.

Beliau juga turut menegaskan bahawa antara peranan BPI juga ialah memberikan penghargaan kepada para pelajar mualaf yang telah berjaya mendapat keputusan yang cemerlang di dalam peperiksaan besar seperti Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR), Peperiksaan Menengah Rendah (PMR), Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM).

Sementara itu, Penolong Setiausaha BPI, MAIS, Anuar Hamzah Tohar berkata, program majlis kecemerlangan tersebut merupakan pertama kali dianjurkan untuk meraikan pelajar mualaf yang berjaya mendapat keputusan yang cemerlang dalam peperiksaan besar di negara ini pada 2007 dan pelajar yang berjaya menyambung pelajaran ke institusi pengajian tinggi awam (IPTA) dan institusi pengajian tinggi swasta (IPTS).

"Dalam masa yang sama majlis ini juga turut meraikan pelajar mualaf yang berjaya menamatkan Program Sijil Dakwah dan Kepimpinan di ILDAS.

"Program ini juga bertujuan untuk memastikan pelajar mualaf di negeri ini diberikan penghargaan supaya mereka dapat menjadi contoh kepada pelajar mualaf lain," katanya.

Seramai 45 penerima menerima pengiktirafan dan diraikan dengan pemberian sijil dan wang tunai dalam program tersebut yang terbahagi kepada dua kategori iaitu kategori peperiksaan seramai 18 penerima manakala kategori yang kedua ialah 27 orang yang telah tamat Program Sijil Dakwah dan Kepimpinan di ILDAS.

# SENARAI Kauter-Kaunter

## SENARAI KAUNTER-KAUNTER
## SAHAM WAKAF SELANGOR DAN WASIAT MAJLIS AGAMA ISLAM SELANGOR (MAIS)

**Bahagian Baitulmal**
Majlis Agama Islam Selangor
Tingkat 9, Menara Utara,
Bangunan Sultan Idris Shah,
Seksyen 5, 40000 Shah Alam.
**No. Tel : 03-5514 3570/ 5514 3400 samb. 2190**
**No. Faks : 03-5512 4042**

**Pejabat Agama Islam Daerah Hulu Langat**
Jalan Low Tik Kok,
43000 Kajang, Selangor Darul Ehsan.
**No. Tel : 03-8734 8352/ 8737 7387**
**No. Faks : 03-8736 3220**

**Pejabat Agama Islam Daerah Klang**
Jalan Dato' Hamzah,
41000 Klang, Selangor Darul Ehsan.
**No. Tel : 03-3374 8422**
**No. Faks : 03-3372 6923**

**Pejabat Agama Islam Daerah Kuala Langat**
Sungai Manggis, 42700 Banting,
Selangor Darul Ehsan.
**No. Tel : 03-3187 3154**
**No. Faks : 03-3187 1357**

**Pejabat Agama Islam Daerah Sepang**
Bandar Baru Salak Tinggi,
43900 Sepang, Selangor Darul Ehsan.
**No. Tel : 03-8706 1918**
**No. Faks : 03-8706 2961**

**Pejabat Agama Islam Daerah Hulu Selangor**
Kuala Kubu Bharu, 44000 Hulu Selangor,
Selangor Darul Ehsan.
**No. Tel : 03-60643402/1437**
**No. Faks : 03-60641122**

**Pejabat Agama Islam Daerah Petaling**
Tingkat 6, Menara Utara,
Bangunan Sultan Idris Shah, Seksyen 5,
40000 Shah Alam.
**No. Tel : 03 –5514 3698**
**No. Faks : 03-5512 2105**

**Pejabat Agama Islam Daerah Gombak**
Jalan AU2A/17, Taman Sri Keramat,
54200 Kuala Lumpur.
**No. Tel : 03-4256 4426 / 4252 6080**
**No. Faks : 03-4252 8418**

**Pejabat Agama Islam Daerah Sabak Bernam**
Jalan Parit Satu Timur,
45300 Sungai Besar,
Selangor Darul Ehsan.
**No. Tel : 03-3224 1529 / 1260 / 1259**
**No. Faks : 03-3224 1486**

**Pejabat Agama Islam Daerah Kuala Selangor**
45000 Kuala Selangor,
Selangor Darul Ehsan.
**No. Tel : 03-3289 1393**
**No. Faks : 03-3289 2287**

"WAKAF PEMANGKIN EKONOMI UMMAH
WASIAT PENYUBUR SILATURRAHIM"

Sertailah **Saham Wakaf Selangor** Dan **Perkhidmatan Wasiat MAIS**